

PELAN ANTIRASUAH RISDA

RISDA ANTI-CORRUPTION PLAN (RACP) 2019-2023



PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN
KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)

DITERBITKAN OLEH:



UNIT INTEGRITI, PEJABAT KETUA PENGARAH RISDA

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH
TINGKAT 4, IBU PEJABAT RISDA,
KM 7, JALAN AMPANG,
KARUNG BERKUNCI 11067, 50990, KUALA LUMPUR

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa-apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengeksploitasian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada RISDA adalah tidak dibenarkan sama sekali.

*“ Saya percaya pelan yang dibangunkan ini berupaya untuk melonjakkan imej dan prestasi **RISDA** dan **Syarikat Milikan RISDA** dengan menjadikan aspek pengukuhan integriti, governans dan antirasuah sebagai **satu budaya** ”*

Y.Bhg. Tuan Haji Rosely bin Kusip
Pengerusi RISDA



AMANAT KEPIMPINAN

Y.Bhg. Tuan Haji Rosely bin Kusip
Pengerusi RISDA



Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, saya ingin memanjatkan rasa syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizininannya, RISDA telah berjaya membangunkan *RISDA Anti-Corruption Plan (RACP) 2019-2023*. Pelan yang telah dibangunkan dengan kerjasama Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) ini merupakan bukti kepada keseriusan RISDA dalam memastikan RISDA sentiasa bersih dan bebas daripada sebarang gejala rasuah dan salah guna kuasa yang boleh memberi imej dan persepsi buruk kepada RISDA.

Hal ini bertitik tolak daripada pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada 29 Januari 2019 yang mana ianya memperlihatkan ketegasan dan komitmen kerajaan untuk memerangi rasuah dan salah guna kuasa. Lantas, tanpa melengahkan masa, RISDA menyahut seruan dan hasrat kerajaan tersebut dengan membangunkan *RISDA Anti-Corruption Plan (RACP) 2019-2023* dalam tempoh enam bulan bermula pada Mei 2019.

Pelan ini akan menjadi rujukan strategik dan komprehensif kepada RISDA termasuk semua Syarikat Milikan RISDA (SMR) dalam aspek pengukuhan integriti, governans dan antirasuah di organisasi. Saya yakin pelan ini apabila diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan akan memberi impak positif kepada penyampaian perkhidmatan RISDA khususnya kepada masyarakat pekebun kecil dan semua pemegang taruh yang berkepentingan sekaligus mampu merealisasikan hasrat Kerajaan Malaysia untuk mewujudkan perkhidmatan awam dan sektor perniagaan yang cekap, responsif, bebas rasuah dan berintegriti.

Pelan yang telah dibangunkan ini merupakan satu pelan yang strategik dan menyeluruh yang mana ianya telah mengambil kira risiko-risiko kelemahan dan ketirisan dalam aspek governans, integriti dan rasuah di RISDA dan SMR. Semua pihak di RISDA dan SMR bertanggungjawab untuk memastikan inisiatif-inisiatif dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

RISDA komited untuk melaksanakan dengan jayanya semua inisiatif yang dinyatakan dalam pelan ini dan akan mengenal pasti sebarang penambahbaikan yang boleh dilakukan serta memastikan inisiatif yang dilaksanakan adalah sejajar dengan prinsip yang digariskan dalam pelan nasional NACP agar usaha-usaha pengukuhan integriti, governans dan antirasuah yang dirancang berjaya dilaksanakan.

Saya percaya semua warga RISDA dan SMR akan memberi kerjasama dan sokongan penuh bagi pelaksanaan RACP yang mana mampu memberi impak positif kepada RISDA dan menjadikan RISDA sebuah agensi yang berintegriti dan bebas rasuah. Selain itu, ianya akan menaikkan imej dan meningkatkan keyakinan orang awam terutama kumpulan sasar iaitu pekebun kecil terhadap sistem penyampaian perkhidmatan RISDA yang lebih baik dan berkesan.

Ucapan tahniah dan penghargaan kepada kepada semua pihak termasuk Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Pengurusan RISDA dan SMR atas usaha gigih dan proaktif yang disumbangkan dalam membangunkan pelan ini. Saya percaya melalui RACP 2019-2023 ini, visi dan misi RISDA dapat direalisasikan dengan berpaksikan prinsip integriti dan tadbir urus yang baik, seterusnya berjaya mengangkat martabat dan kesejahteraan hidup masyarakat pekebun kecil.

Sekian. Terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Rosely bin Kusip'.

Y.BHG. TUAN HAJI ROSELY BIN KUSIP
Pengerusi RISDA

PERNYATAAN KOMITMEN



**DATO' WAN AHMAD SHABRI
ZAINUDDIN BIN WAN MOHAMAD**
KETUA PENGARAH RISDA



ENCIK ABDULLAH BIN ZAINAL
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(PENGURUSAN DAN KORPORAT) RISDA



TUAN HAJI SOPIAN BIN ABU BAKAR
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN
RISDA HOLDINGS SDN. BHD.

RISDA Anti-Corruption Plan (RACP) 2019-2023 merupakan satu dasar antirasuah yang mencerminkan komitmen RISDA untuk membanteras gejala rasuah dan salah guna kuasa di samping mewujudkan persekitaran organisasi yang berintegriti serta mempunyai tadbir urus dan governans yang baik.

Melalui Strategi 2, Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, di bawah perkara 2.1.5, telah mewajibkan sektor perkhidmatan awam untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dalam tempoh lima tahun sebagai langkah untuk meningkatkan dan mensejahterakan perkhidmatan awam yang akan dapat memberi impak positif dan kesan baik kepada rakyat secara keseluruhan melalui penambahbaikan kualiti penyampaian perkhidmatan oleh sektor perkhidmatan awam dan swasta.

Komitmen RISDA dalam membangunkan pelan ini merupakan satu tanda bahawa RISDA dan SMR bersedia untuk menyahut segala seruan dan hasrat kerajaan dalam membangunkan organisasi dan persekitaran perniagaan yang bersih dan bebas rasuah. Sebagai sebuah badan berkanun persekutuan, RISDA akan sentiasa menyokong dan melaksanakan usaha-usaha pengukuhan integriti, governans dan antirasuah di organisasi selaras dengan dasar kerajaan untuk memantapkan integriti penjawat awam dengan pengamalan tadbir urus yang baik di semua agensi kerajaan termasuk Syarikat Milikan Kerajaan (SOE).

Proses penggubalan dan pembangunan pelan ini telah melalui sesi libat urus yang meliputi Pihak Berkuasa RISDA, Pengurusan Tertinggi RISDA dan SMR yang memperlihatkan persetujuan dan komitmen semua pemegang taruh untuk komited dan menyumbang kepada pembangunan pelan. Ianya bermula dengan taklimat *Kick-Off* Pembangunan *RISDA Anti-Corruption Plan (RACP) 2019-2023*, seterusnya sesi bengkel penggubalan pelan yang melibatkan pelbagai peringkat pengurusan RISDA di bahagian dan negeri serta pengurusan SMR yang mana setiap daripada mereka telah menyumbang input dan cadangan yang bernas dalam membangunkan satu pelan yang mantap dan komprehensif. Sesi pemurnian dijalankan oleh Sekretariat Unit Integriti RISDA bersama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) bagi merumuskan hasil dapatan daripada bengkel yang telah dilaksanakan.

Kemudian, Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi RISDA telah bersetuju menerima cadangan pelan yang dibangunkan dan seterusnya sesi pembentangan cadangan *RISDA Anti-Corruption Plan (RACP) 2019-2023* kepada Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah dilaksanakan bagi mendapat pandangan dan cadangan penambahbaikan sebelum pelan ini dilancarkan dan seterusnya diterima pakai di RISDA dan SMR.

RACP ini telah berjaya mengenal pasti risiko-risiko yang wujud dalam organisasi yang melibatkan isu dan kelemahan dalam aspek integriti, governans dan antirasuah yang tentunya memerlukan tindakan dan perancangan yang tuntas oleh organisasi. Pelan ini menggunakan data-data dan statistik sedia ada berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara, Laporan SPRM, Laporan Tahunan, Laporan Belanjawan Tahunan, Laporan Audit Dalam, Laporan Tatatertib dan Aduan Organisasi, Laporan *Corruption Risk Management (CRM)*, Laporan Prestasi Syarikat Milikan RISDA, Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan, Laporan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) 2016-2018 dan hasil cadangan daripada peserta bengkel selain merujuk kepada NACP.

Pengurusan RISDA selaku tunjang utama dalam urusan pentadbiran organisasi berjanji dan komited untuk memastikan semua 28 risiko yang dikenal pasti dapat ditangani melalui 153 inisiatif yang telah digariskan dalam pelan ini. Pemantauan dan penilaian bagi pencapaian dan kemajuan setiap inisiatif akan dilaksanakan dan dipantau oleh Jawatankuasa Antirasuah (JAR) RISDA dan SMR.

Sekarang tiba masanya untuk kita warga RISDA dan SMR bersama-sama menggembeng seluruh kekuatan yang ada bagi merealisasikan dan menterjemah pelan ini dalam bentuk pelaksanaan agar akhirnya visi, misi dan matlamat *RISDA Anti-Corruption Plan (RACP) 2019-2023* berjaya dicapai. Kami percaya integriti akan terus menjadi DNA warga RISDA dan SMR. Syabas!

RISDA akan sentiasa menyokong dan melaksanakan usaha-usaha pengukuhan integriti, governans dan antirasuah di organisasi.



“ In looking for people to hire, look for **three qualities: integrity, intelligence and energy.** And if they don't have the **first, the other two will kill you.** ”

Warren Buffet

“ Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul (Muhammad) dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepadamu, sedang kamu mengetahui. ”

Surah Al-Anfal Ayat 27



Sesi Taklimat *Kick-Off* Pembangunan *RISDA Anti-Corruption Plan (RACP) 2019-2023* pada 14 Mei 2019 yang disampaikan oleh Tuan Haji Hamilye Sham bin Harun, Pengarah dan Konsultan Utama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI). Sesi taklimat dihadiri oleh Tuan Haji Rosely bin Kusip, Pengerusi RISDA dan seluruh kepimpinan Pengurusan Tertinggi RISDA dan Syarikat Milikan RISDA.

Taklimat ini merupakan simbolik kepada komitmen RISDA dan bermulanya pembangunan RACP 2019-2023.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada 29 Januari 2019. Melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2, No.1 Tahun 2018 berkaitan Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional, setiap jabatan, agensi dan kerajaan negeri hendaklah membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) di peringkat organisasi masing-masing dalam tempoh lima tahun berkuat kuasa dari tarikh NACP dilancarkan.

Justeru itu, RISDA telah membangunkan *RISDA Anti-Corruption Plan (RACP) 2019-2023* yang akan menjadi dokumen utama dan panduan kepada organisasi mengenai tindakan dan langkah yang menyeluruh dan bersepadu dalam memerangi rasuah dan salah guna kuasa dalam organisasi.

Visi RACP adalah ke arah melahirkan warga RISDA dan Syarikat Milikan RISDA (SMR) yang bebas rasuah dan salah laku. Terdapat dua misi yang disasarkan iaitu Pertama: Meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti berdasarkan tadbir urus baik dan, Kedua: Mewujudkan persekitaran perniagaan yang bersih.

BAB 1

Merangkumi latar belakang RISDA dan SMR serta usaha dan inisiatif yang telah diambil oleh organisasi dalam mempertingkatkan dan menambahbaik aspek integriti, governans dan antirasuah di RISDA dan SMR. Dengan sokongan dan komitmen penuh oleh Pihak Berkuasa RISDA, Pengurusan Tertinggi RISDA dan SMR, RACP 2019-2023 telah berjaya digubal dan menjadi rujukan strategik oleh organisasi dalam membanteras rasuah dan salah guna kuasa.



BAB 2

Bagi membangunkan sebuah pelan antirasuah yang komprehensif dan mantap, RISDA telah mengadakan bengkel pembangunan RACP 2019-2023 yang melibatkan keseluruhan Pengurusan Tertinggi RISDA dan SMR. Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah menjadi konsultan utama yang membimbing RISDA dalam membangunkan pelan ini. Sebanyak tiga strategi telah digariskan dalam RACP.

BAB 3

Menghuraikan tiga bidang keutamaan iaitu Pentadbiran, Tadbir Urus Korporat dan Perolehan. Daripada tiga bidang keutamaan ini, tiga strategi telah dikenal pasti iaitu Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan, Memupuk Tadbir Urus Baik dan Mempertingkat Keberkesanan Dan Ketelusan Perolehan. Sebanyak 7 objektif strategik telah digariskan dengan 28 risiko telah dikenal pasti dan 153 inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun akan datang.

BAB 4

Menjelaskan mengenai mekanisme pemantauan dan penilaian oleh organisasi terhadap pencapaian pelaksanaan inisiatif RACP 2019-2023 oleh Bahagian peneraju. Mekanisme ini penting bagi memantau kemajuan dan menilai pelaksanaan inisiatif yang digariskan serta mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Selain itu, mekanisme ini berupaya untuk mengenal pasti ruang dan jurang dalam pelaksanaan inisiatif RACP. Ini bagi memastikan supaya setiap perancangan yang dibuat dapat diselaraskan dengan sewajarnya untuk mencapai hasil yang dihasratkan.

Semua pihak bertanggungjawab untuk memberi komitmen dan kerjasama penuh dalam merealisasikan visi, misi dan matlamat RACP.

BAB 5

Menggambarkan komitmen dan keyakinan RISDA secara keseluruhan dalam melaksanakan semua 153 inisiatif yang telah digariskan dalam RACP 2019-2023 dengan jayanya dan pelan yang telah digubal ini akan menjadi rujukan dan panduan strategik dalam aspek pengukuhan integriti, governans dan antirasuah di organisasi.




SINGKATAN

ABMS	Anti-Bribery Management System	IBR	Ikrar Bebas Rasuah
ALP	Ahli Lembaga Pengarah	IGU	Integrity Governance Unit
BPA	Biro Pengaduan Awam	IGO	Integrity Governance Officer
BDPS	Bahagian Dasar & Perancangan Strategik	INTEGRITI	Institut Integriti Malaysia
BPKP	Bahagian Pejabat Ketua Pengarah	JAR	Jawatankuasa Antirasuah
BIAD	Bahagian Inspektorat & Audit Dalam	JAN	Jabatan Audit Negara
BTSP	Bahagian Tanam Semula & Perladangan	JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
BPPT	Bahagian Pengembangan & Pemindahan Teknologi	JPM	Jabatan Perdana Menteri
BP	Bahagian Pentadbiran	JKKMAR	Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah
BKB	Bahagian Kewangan & Belanjawan	MEA	Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
BPU	Bahagian Pembangunan Usahawan	MOF	Kementerian Kewangan
BBIP	Bahagian Bekalan & Input Pertanian	MS ISO	Malaysian Standard International Organization for Standardization
BPSM	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	NACP	Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023
BTM	Bahagian Teknologi Maklumat	NKRA	National Key Result Area
BL	Bahagian Latihan	OACP	Pelan Antirasuah Organisasi
BPP	Bahagian Produktiviti & Pemasaran	OECD	Organisation for Economic Co-Operation and Development
BPK	Bahagian Program Khas	PIN	Pelan Integriti Nasional
BPPS	Bahagian Pelaburan & Pembangunan Syarikat	PINTAR	Pelan Integriti RISDA
BKJ	Bahagian Khidmat Kejuruteraan	PIO	Pelan Integriti Organisasi
BKK	Bahagian Komunikasi Korporat	RACP	RISDA Anti-Corruption Plan (RACP) 2019-2023
CeIO	Certified Integrity Officer	RHSB	RISDA Holdings Sdn. Bhd.
CIP	Corporate Integrity Pledge	RISDA	Rubber Industry Smallholders Development Authority
CIGO	Chief Integrity Governance Officer	SMR	Syarikat Milikan RISDA
CRM	Corruption Risk Management	SOE	State-Owned Enterprise
CPI	Corruption Perception Index	SOP	Standard Operating Procedures
CLBG	Company Limited by Guarantee	SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
DNA	Deoxyribonucleic Acid	SPAN	Sistem Pengurusan Audit Nilai
GIACC	Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional	TI	Transparency International
GLC	Government-Linked Company	TNA	Training Need Analysis
GTP	Government Transformation Programme	TOR	Term of Reference

KANDUNGAN


BAB 1	Pengenalan	14
	Latar Belakang Organisasi	16
	Dasar Integriti dan Tadbir Urus	20
	Isu dan Cabaran Menangani Rasuah	27
	Penilaian Risiko	30
	Bidang-Bidang Berisiko	31
BAB 2	Senario Masa Hadapan	32
	Menghubungkan Hari Ini Dengan Masa Hadapan	34
	Matrik Senario: Senario Antirasuah 2030	36
	Gambaran Umum Dan Matlamat Kebimbangan Bersama	38
	Peluang Yang Ada	39
	Risiko Yang Terungkai	40
	Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian	41
BAB 3	Memperkasa Usaha Pencegahan Rasuah	42
	Keperluan Kepada Kerangka Organisasi	44
	Carta Pembangunan RISDA Anti-Corruption Plan (RACP) 2019-2023	45
	Garis Panduan Asas Untuk Membina Kerangka Pelan: 5As	46
	Kerangka RACP	47
	Mengenai Kerangka	48
	Ringkasan Bidang Keutamaan RACP	48
	Keutamaan Strategi: Penekanan 42 inisiatif	63
	Pelan Tindakan Pelaksanaan	68
BAB 4	Tadbir Urus	102
	Teras Pengurusan Antirasuah RISDA	104
	Mekanisme Pelaksanaan	106
	Kerangka Pelaksanaan	108
	Mekanisme Penyelarasan, Koordinasi Pemantauan dan Penilaian	108
BAB 5	Kesimpulan	110
	Penghargaan	112
	Pasukan Editor	118



BAB 1

PENGENALAN





i. LATAR BELAKANG ORGANISASI

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) yang ditubuhkan pada 1 Januari 1973 di bawah akta yang diluluskan oleh Parlimen iaitu Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 (Akta 85) dan Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) 1952.

Sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan, RISDA mempunyai tanggungjawab untuk mentadbir Kumpulan Wang Perusahaan Getah, melaksanakan rancangan tanam semula dan seterusnya memodenkan sektor pekebun kecil. Hal ini adalah kerana peranan pekebun kecil adalah penting dan relevan dalam industri getah negara yang mana sektor ini menyumbang 93.2% daripada pengeluaran getah asli Malaysia. Lantas, RISDA mempunyai tanggungjawab besar dalam membangunkan sektor pekebun kecil yang mana kerajaan memandang berat peranan yang dimainkan oleh sektor ini sebagai satu sektor pengeluaran hasil yang penting kepada pertumbuhan ekonomi dan pendapatan negara.

Pembangunan sektor pekebun kecil tertumpu kepada matlamat untuk meningkatkan sosio ekonomi pekebun kecil yang mana ianya akan memberi impak kepada peningkatan pendapatan pekebun kecil. RISDA telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang memberi faedah kepada pekebun kecil dan seterusnya menyokong sektor pekebun kecil perusahaan getah di Malaysia agar terus kekal relevan dan berdaya saing.

Selain itu, RISDA juga menggalakkan pekebun kecil untuk menceburi bidang lain sebagai sumber pendapatan tambahan selain daripada hasil tanaman getah. Bagi tujuan tersebut, bidang keusahawanan telah menjadi aktiviti teras kedua RISDA selepas aktiviti penanaman semula getah yang mana aktiviti ini dilihat mampu menjana pendapatan tambahan kepada pekebun kecil.

RISDA telah mewujudkan pelbagai jenis program keusahawanan yang bersesuaian yang mampu menjana pendapatan kepada pekebun kecil. Bimbingan dan latihan turut diberikan kepada pekebun kecil dalam usaha memantapkan pengetahuan dan kemahiran mereka. Inisiatif penglibatan dalam bidang keusahawanan ini diyakini mampu memberi impak positif dan menyumbang kepada pencapaian objektif RISDA iaitu pekebun kecil memperoleh purata pendapatan sekurang-kurangnya RM4,000 sebulan sekeluarga pada tahun 2020.

Pelaksanaan fungsi dan operasi RISDA dalam memberi perkhidmatan kepada pekebun kecil disokong dengan kekuatan struktur organisasi yang kukuh di seluruh negara meliputi 17 bahagian di Ibu Pejabat RISDA, 13 Pejabat RISDA Negeri, 54 Pejabat RISDA Daerah/Jajahan/Bahagian dan 153 Pejabat RISDA Stesen dengan jumlah keseluruhan pegawai termasuk Syarikat Milikan RISDA (SMR) seramai 5,341 orang.

Selain itu, RISDA juga mempunyai 11 SMR yang melibatkan diri dalam pelbagai cabang perniagaan antaranya pengurusan korporat, perladangan, input pertanian, penternakan, pengangkutan, broker insurans, pembiayaan, pendidikan, pembangunan aset dan hartanah, pengurusan majlis, perkhidmatan am dan keselamatan. Setiap SMR diharap dapat memberi pulangan terbaik daripada segi pemberian dividen atau keuntungan yang dijana daripada aktiviti-aktiviti yang diluluskan agar hasil keuntungan dapat disalurkan semula kepada RISDA dan pekebun kecil.



VISI

Menjadi Agensi Peneraju Kemajuan Pekebun Kecil.

MISI

Membentuk Masyarakat Pekebun Kecil Yang Progresif dan Sejahtera Melalui Aktiviti Perladangan dan Keusahawanan.


OBJEKTIF

Pekebun Kecil Memperoleh Purata Pendapatan RM4,000 Sebulan Sekeluarga Pada Tahun 2020.

FUNGSI RISDA

- Melaksanakan dasar dan program pembangunan untuk memastikan pertumbuhan dan daya maju perusahaan getah sektor pekebun kecil;
- Merancang, menyelaraskan, melaksanakan dan mengawasi semua Skim yang disediakan dan diluluskan di bawah peruntukan Bahagian VI Akta RISDA 1972;
- Memberikan perkhidmatan teknikal, nasihat, perundingan dan perkhidmatan yang berkaitan kepada pekebun kecil;
- Mengumpulkan dan menguruskan perangkaan atau maklumat yang perlu dan menyenggara rekod yang berhubungan dengan sektor pekebun kecil;
- Merancang dan melaksanakan apa-apa aktiviti lain yang boleh meningkatkan taraf kesejahteraan sosial dan ekonomi pekebun kecil;
- Memastikan bahawa sektor pekebun kecil dimodenkan untuk memperbaiki kesejahteraan sosial dan ekonomi pekebun kecil; dan
- Melakukan apa-apa perkara lain yang membolehkannya melaksanakan fungsinya dengan berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

ii. CARTA ORGANISASI



iii. SYARIKAT MILIKAN RISDA

- 01 RISDA Holdings Sdn. Bhd.
- 02 RISDA Estates Sdn. Bhd.
- 03 Kolej RISDA Sdn. Bhd.
- 04 Permodalan RISDA Berhad
- 05 Protac Insurance Brokers Sdn. Bhd.
- 06 RISDA Ventures Sdn. Bhd.
- 07 RISDA Plantation Sdn. Bhd.
- 08 RISDA Semaian dan Landskap Sdn. Bhd.
- 09 RISDA Security and Services Sdn. Bhd.
- 10 RISDA Fleet Sdn. Bhd.
- 11 Yayasan RISDA



iv. DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS RISDA



Kerajaan Malaysia sentiasa peka dan berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menangani isu-isu integriti, governans dan antirasuah di dalam negara terutamanya dalam sektor perkhidmatan awam. Usaha dan inisiatif yang dijalankan adalah bagi memastikan masalah rasuah, penyalahgunaan kuasa, pemborosan atau pembaziran dana kerajaan dapat dikurangkan dan seterusnya dihapuskan. Hal ini adalah bagi memastikan imej serta kualiti perkhidmatan awam dapat dimantapkan dan akhirnya penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan negara secara keseluruhan dapat dipertingkatkan.

Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Bilangan 1 Tahun 2018 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad pada 8 Jun 2018 telah bersetuju untuk merangka, menggubal serta membangunkan satu pelan yang strategik dan komprehensif bagi menangani isu-isu integriti dan rasuah dalam negara yang mana akan menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN). Maka dari titik tolak tersebut lahirlah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang diterajui oleh Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC).

Lanjutan itu, *RISDA Anti-Corruption Plan (RACP) 2019-2023* telah dibangunkan. Pelan ini telah mengenal pasti risiko-risiko sedia ada yang berpotensi untuk berlaku dan telah menggariskan inisiatif yang relevan serta praktikal untuk dilaksanakan. Pelan ini akan digunakan bagi membendung dan menangani isu-isu integriti, governans dan rasuah di RISDA dan SMR bagi tempoh lima tahun akan datang.

Pembangunan RACP juga telah mengambil kira inisiatif dan instrumen pencegahan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam membendung masalah integriti, governans dan rasuah antaranya Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004, *Government Transformation Programme (GTP) 2010*, *Government Transformation Programme 2.0 (GTP 2.0)* serta instrumen-instrumen yang dilaksanakan oleh organisasi sendiri seperti Pelan Integriti RISDA (PINTAR), *Corruption Risk Management (CRM)*, Ikrar Bebas Rasuah (IBR), inisiatif *Corporate Integrity Pledge (CIP)* dan lain-lain. Semua inisiatif dan instrumen ini telah dikaji, diolah dan ditambahbaik mengikut kesesuaian serta praktikaliti organisasi dan seterusnya disesuaikan mengikut kerangka NACP.

Setiap inisiatif yang telah ditetapkan dalam pelan ini perlu dilaksanakan dan pencapaian setiap inisiatif akan dipantau, dinilai dan dilaporkan kepada Pengurusan RISDA dan SMR melalui Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) RISDA dan SMR yang ditetapkan empat kali setahun. Maka dengan itu, setiap daripada warga RISDA dan SMR mempunyai peranan dan tanggungjawab bagi menjayakan *RISDA Anti-Corruption Plan (RACP) 2019-2023*.



v. PELAN INTEGRITI NASIONAL (PIN)

Pelan Integriti Nasional (PIN) telah dilancarkan pada 23 April 2004 oleh Perdana Menteri Malaysia ketika itu, YAB Tun Abdullah bin Ahmad Badawi yang bertujuan untuk mewujudkan satu hala tuju dan bimbingan yang jelas kepada masyarakat dan negara dalam usaha memupuk, menyemai dan membaja sistem kehidupan masyarakat dengan harapan untuk membina sebuah masyarakat yang bermoral dan negara yang berintegriti. Menerusi PIN ini, ianya telah mengkoordinasikan usaha dan inisiatif semua komponen dan sektor dalam gerakan pemantapan integriti bagi memperkukuhkan tadbir urus negara secara keseluruhan.

OBJEKTIF UMUM PIN

Objektif umum PIN ialah untuk merealisasikan hasrat Wawasan 2020, iaitu menjadi sebuah negara maju menurut acuan sendiri dengan "membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur".

OBJEKTIF KHUSUS PIN

1. Memberikan hala tuju dan bimbingan pelbagai sektor supaya mereka dapat bekerjasama dalam usaha besar membina masyarakat yang bersatu padu, berharmoni, berintegriti, bermoral dan beretika.
2. Meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama pelbagai sektor dalam usaha peningkatan integriti supaya integriti menjadi budaya masyarakat dan diamalkan dalam semua bidang.
3. Menggalakkan semangat bertanggungjawab di kalangan anggota masyarakat serta mendorong perkembangan masyarakat sivil yang menjunjung prinsip integriti dan bergerak cergas menegakkan integriti.
4. Menyumbang kepada usaha pengukuhan asas moral masyarakat dan negara, dan peningkatan kesejahteraan hidup anggota masyarakat.
5. Meningkatkan daya saing dan daya tahan Malaysia dalam usaha menangani cabaran abad ke-21 khususnya cabaran globalisasi dengan lebih berkesan.

vi. PELAN INTEGRITI RISDA (PINTAR)

Mengambil kira aspirasi dan matlamat PIN, RISDA telah menggubal dan membangunkan Pelan Integriti RISDA (PINTAR) 2015-2017 yang dilancarkan pada 25 Ogos 2015 yang mana pelan ini dirangka agar setiap usaha-usaha pembudayaan dan pengukuhan nilai-nilai integriti di organisasi akan dilaksanakan dengan lebih terancang dan bersepadu. Pelan ini telah menggariskan strategi-strategi yang perlu dilaksanakan berkaitan nilai-nilai murni dan etika tinggi bagi memastikan jati diri dan keperibadian tinggi dibentuk dalam diri warga RISDA agar kesan dan impaknya dapat diterjemahkan dalam penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada golongan sasaran iaitu pekebun kecil.

OBJEKTIF PINTAR 2015-2017

1. Memberikan hala tuju kepada warga RISDA supaya mereka dapat bekerjasama dalam usaha besar membina masyarakat yang bersatu padu, harmoni, berintegriti, bermoral dan beretika.
2. Meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama warga RISDA supaya integriti menjadi budaya dan amalan.
3. Menggalakkan semangat bertanggungjawab di kalangan warga RISDA dengan menjunjung dan menegakkan prinsip-prinsip integriti.
4. Menyumbang kepada usaha pengukuhan asas moral warga RISDA.
5. Memperkasakan tadbir urus organisasi.

DASAR INTEGRITI RISDA

1. Melahirkan pegawai yang setia dan taat kepada Negara, Kerajaan dan RISDA.
2. Memantapkan budaya, menginstitusikan dan melaksanakan integriti di dalam organisasi RISDA.
3. Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pekebun kecil.
4. Melahirkan pegawai yang bebas daripada gejala rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.
5. Memperkasakan tadbir urus organisasi.

Dalam menggubal PINTAR 2015-2017, enam terma rujukan telah diterima pakai dalam menggariskan strategi-strategi yang perlu dilaksanakan oleh setiap peneraju.

- 01 Dasar dan Perundangan
- 02 Sistem dan Prosedur Penyampaian Perkhidmatan
- 03 Tindakan Pengesanan, Punitif dan Pemulihan
- 04 Pembudayaan Nilai-Nilai Murni dan Kod Etika
- 05 Pengurusan Pelanggan
- 06 Membina Permuafakatan dengan Pihak Berkepentingan

Enam strategi telah digariskan dalam PINTAR 2015-2017 seperti berikut:

Strategi 1

Memantapkan keberkesanan tadbir urus terbaik.

Strategi 2

Meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan.

Strategi 3

Melaksanakan program kesedaran memerangi jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa serta meningkatkan integriti.

Strategi 4

Memantapkan pentadbiran sistem keadilan.

Strategi 5

Memantapkan pengurusan sumber manusia.

Strategi 6

Meningkatkan imej korporat.



vii. INISIATIF-INISIATIF PENGUKUHAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS YANG TELAH DILAKSANAKAN RISDA



PELANCARAN PELAN INTEGRITI RISDA (PINTAR) 2015-2017



MAJLIS MENANDATANGANI CORPORATE INTEGRITY PLEDGE (CIP) OLEH RISDA DAN SMR BERSAMA SPRM



PELANCARAN GERAKAN REVOLUSI ANTI RASUAH (GERAH), IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) DAN KEMPEN 3J (JANGAN KAWTIM, SETTLE, HULUR)

LAPORAN SISTEM
PENGURUSAN
AUDIT NILAI (SPAN)
OLEH RISDA
UNTUK TAHUN
2016 DAN 2018



INISIATIF EDARAN INFOGRAFIK BULANAN BERKAITAN PEMBUDAYAAN INTEGRITI OLEH UNIT INTEGRITI RISDA

viii. ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH

Dalam usaha untuk membanteras dan menghapuskan rasuah dan salah guna kuasa, terdapat pelbagai isu dan cabaran yang perlu didepani dan dihadapi bagi memastikan misi dan matlamat yang telah ditetapkan dapat dicapai. Kerajaan Malaysia telah menunjukkan dengan jelas bahawa usaha untuk membanteras jenayah rasuah dan salah guna kuasa merupakan satu agenda nasional yang penting dan memerlukan perhatian yang serius. Hal ini adalah kerana impak jenayah rasuah dan salah guna kuasa yang berlaku telah memberi kesan negatif kepada negara yang mana antaranya adalah menyebabkan imej negara di mata dunia tercalar dan akhirnya menyebabkan kerencatan pertumbuhan ekonomi negara akibat kegagalan dan ketidakpercayaan pelabur untuk melabur di negara kita.

Bagi setiap negara, penanda aras yang diterima pakai bagi mengukur persepsi masyarakat dunia terhadap negara kita berkaitan rasuah adalah Indeks Persepsi Rasuah (CPI). CPI merupakan indeks tahunan yang dikeluarkan oleh *Transparency International*, sebuah badan dunia yang akan menyenaraikan peratusan tinggi rendah bagi sesebuah negara di mana rasuah ini dianggap wujud di kalangan pegawai-pegawai dan ahli politik awam.

Berdasarkan CPI untuk tahun 2018, Malaysia telah berada di kedudukan ke-61 daripada 180 negara yang telah dinilai dan skor yang telah dicapai oleh Malaysia adalah 47/100. Skor yang dicapai pada tahun 2018 merupakan skor yang sama dicapai pada tahun 2017 yang mana kedudukan Malaysia pada ketika itu adalah pada kedudukan ke-62.

Jika perbandingan dibuat dengan negara jiran terdekat Malaysia yang mempunyai kedudukan yang lebih baik berbanding Malaysia adalah Singapura yang mana berada di kedudukan ke-3 daripada 180 buah negara dengan skor sebanyak 85/100. Selain itu, Brunei Darussalam juga berada di kedudukan yang jauh lebih baik berbanding negara kita iaitu di kedudukan ke-31 dengan skor 63/100. Oleh itu, pencapaian skor Malaysia dan kedudukan tersebut menunjukkan bahawa sememangnya kita memerlukan satu tindakan yang ampuh dan jitu untuk memastikan skor CPI dan kedudukan negara dapat dipertingkatkan pada tahun berikutnya.

Salah satu sektor yang akan memberi kesan kepada kedudukan dan skor negara dalam CPI adalah sektor awam yang dilihat sebagai sektor yang paling berisiko terhadap amalan rasuah. Tadbir urus yang lemah merupakan antara punca utama yang menyebabkan sektor ini mencatatkan peratusan yang lebih tinggi berbanding sektor swasta iaitu sebanyak 63.30%. Kesan penglibatan pegawai sektor awam dalam jenayah rasuah telah menyebabkan kerugian terhadap dana negara dan merosakkan imej dan integriti sektor awam.



ANTARA ISU DAN CABARAN UTAMA YANG DIHADAPI OLEH RISDA DAN SMR DALAM MEMERANGI RASUAH ADALAH:

KETIDAKCEKAPAN SISTEM DAN KAEDAH PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

- ▶ Kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan agensi dan syarikat adalah perkara penting dalam memastikan pertumbuhan organisasi dan pembangunan dapat dilaksanakan secara berkesan. Namun faktor kelemahan integriti dan kerenah birokrasi telah menyebabkan kurang keberkesanan penyampaian perkhidmatan yang akhirnya menyebabkan imej negatif terhadap perkhidmatan organisasi.
- ▶ Usaha reformasi adalah penting bagi menambahbaik dan meningkatkan tadbir urus RISDA dan SMR sekaligus penyampaian perkhidmatan yang efisien serta efektif dapat diberikan kepada pekebun kecil dan semua pemegang taruh.

KELEMAHAN TADBIR URUS ORGANISASI

- ▶ Isu tadbir urus yang lemah berlaku di setiap organisasi tidak kira di RISDA mahupun SMR. Hal ini berpunca daripada tiada peraturan atau pun peraturan sedia ada telah lapuk, konflik kepentingan dan pegawai yang tidak berintegriti seterusnya menjurus kepada jenayah rasuah dan salah guna kuasa.
- ▶ Tadbir urus yang baik dalam sesebuah organisasi mampu meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan integriti dalam apa jua urusan organisasi. Ia juga mampu melindungi hak pihak berkepentingan dan mengelakkan daripada sebarang ketirisan dan kerugian. Dengan itu, ruang dan peluang bagi penyelewengan dan rasuah dapat ditutup.

KETIDAKTELUSAN DAN MANIPULASI URUSAN PEROLEHAN

- ▶ Ketidaktelusan dan manipulasi urusan perolehan akan menyebabkan kerugian dan pembaziran sumber kewangan, masa, projek yang dirancang gagal dilaksanakan dan membuka kepada peluang berlakunya rasuah dan salah guna kuasa. Hal ini berpunca daripada wujudnya percanggahan kepentingan, kebocoran maklumat selain pegawai tidak berintegriti dan tidak kompeten dalam melaksanakan tugas.
- ▶ Urusan perolehan di RISDA dan SMR seharusnya dilaksanakan dengan adil, cekap dan teratur bagi memastikan *value for money* dan memenuhi ekspektasi dan kehendak golongan sasaran. Kegagalan dan kelewatan sesuatu projek banyak berkisar kepada ketidakmampuan kontraktor yang dilantik dan akhirnya merugikan agensi, syarikat dan negara.

CAMPUR TANGAN DALAM PENTADBIRAN DAN KEWANGAN ORGANISASI

- ▶ Setiap agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan diarahkan untuk memastikan setiap urusan berkaitan pentadbiran dan kewangan dilaksanakan secara berhemah berdasarkan prinsip amalan tadbir urus baik dengan memastikan setiap peraturan yang ditetapkan dipatuhi.
- ▶ Namun, isu campur tangan pihak berkepentingan seperti ahli politik dalam urusan pentadbiran dan kewangan RISDA dan SMR adalah antara isu utama yang mana mereka dilihat mencampuri urusan organisasi bagi mengaut keuntungan peribadi dan sanggup membelakangkan undang-undang dan peraturan. Antara campur tangan yang biasa berlaku adalah dalam urusan perolehan, sumber manusia, kewangan dan pentadbiran organisasi.

TINDAKAN YANG KURANG TEGAS DAN TIDAK KONSISTEN KEPADA PEGAWAI

- ▶ Dalam menguruskan isu-isu pelanggaran peraturan tatakelakuan pegawai, RISDA menerima pakai Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) manakala SMR menggunakan Peraturan Tatakelakuan dan Disiplin Pegawai Syarikat Milikan RISDA.
- ▶ Tindakan yang kurang tegas dan tidak konsisten terhadap pegawai yang melakukan kesalahan adalah akibat kegagalan untuk mematuhi peraturan sedia ada, wujud percanggahan kepentingan selain bukti-bukti kes yang tidak mencukupi. Selain itu, kes-kes tersebut tidak dipanjangkan kepada pihak berkuasa untuk siasatan lanjut.
- ▶ Hal ini menyebabkan tindakan dan hukuman yang dikenakan terhadap pegawai tidak diambil serius dan pegawai tidak terkesan dengan tindakan yang dikenakan. Ia mewujudkan persepsi buruk dan suasana tidak harmoni dalam organisasi.

PENGGUNAAN TEKNOLOGI YANG TERHAD DALAM MEMERANGI RASUAH

- ▶ Dalam zaman serba moden ini, penggunaan teknologi merupakan salah satu langkah dan instrumen yang baik bagi membendung dan menangani masalah rasuah. Namun buat masa sekarang, penggunaannya dilihat bergantung kepada peruntukan kewangan dan kemahuan pengurusan untuk mengoptimumkan teknologi sedia ada.
- ▶ Penggunaan teknologi yang terkini secara tidak langsung dapat memastikan ketelusan dan mengurangkan risiko rasuah melalui transaksi digital yang lancar dan mewujudkan rekod kekal untuk semakan lanjut yang memberi lebih keyakinan kepada orang awam terhadap organisasi.

PERSEPSI NEGATIF DAN KURANG KEYAKINAN OLEH PIHAK LUAR

- ▶ Penghayatan nilai-nilai murni termasuk integriti dan antirasuah yang lemah oleh pihak luar juga merupakan satu isu dan cabaran yang perlu ditangani oleh organisasi. Usaha penyampaian perkhidmatan yang telus akan terbantut akibat persepsi dan tanggapan negatif pihak luar termasuk orang awam yang akan menghakis keyakinan mereka terhadap penyampaian perkhidmatan yang diberikan organisasi dan seterusnya akan memberi kesan negatif terhadap organisasi.



ix. PENILAIAN RISIKO

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertanggungjawab melaksanakan penarafan risiko agensi bagi menetapkan model Unit Integriti yang bersesuaian. Penarafan risiko agensi awam dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu Tinggi, Sederhana dan Rendah berpandukan situasi gejala rasuah di agensi, persepsi rasuah terhadap agensi, dana yang diperuntukkan, laporan aduan rasuah dan salah guna kuasa, jumlah bajet tahunan agensi dan bidang perkhidmatan teras. Demikian SPRM pada tahun 2015 telah melaksanakan penarafan risiko rasuah ke atas RISDA dan RISDA telah diberi penarafan risiko sebagai agensi berisiko Sederhana. Penarafan risiko ini akan disemak semula oleh SPRM secara berkala setiap tiga tahun atau mengikut keperluan.

Kemudian, RISDA telah melaksanakan *Corruption Risk Management (CRM)* yang telah dibangunkan pada tahun 2017. CRM merupakan satu proses pengurusan untuk membantu mengenal pasti kelemahan struktur yang mungkin membuka peluang kepada berlakunya rasuah, menyediakan rangka kerja untuk mengenal pasti faktor risiko dan penyelesaiannya yang melibatkan semua warga, serta menerap elemen pencegahan rasuah dalam rangka tadbir urus yang mantap. Oleh itu, bengkel *Corruption Risk Management (CRM)* RISDA anjuran Unit Integriti Pejabat Ketua Pengarah RISDA telah diadakan pada 16 hingga 18 Mei 2017 dengan kerjasama Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, SPRM. Melalui CRM ini, risiko-risiko rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dapat dikenal pasti dan RISDA telah merangka pelan tindakan yang perlu dilaksanakan bagi membendung masalah tersebut.

Peserta bengkel terdiri daripada pegawai-pegawai kanan RISDA di peringkat negeri dan bahagian seramai 50 orang. Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, SPRM telah bertindak selaku fasilitator dalam membangunkan CRM RISDA. Kaedah bengkel dilaksanakan di mana setiap peserta dibahagikan kepada kumpulan mengikut bidang kepakaran masing-masing dan setiap kumpulan perlu mengisi maklumat dalam borang pendaftaran risiko mengenai risiko yang dikenal pasti dalam bidang dan tugas masing-masing. Akhirnya risiko-risiko ini seterusnya akan disemak dan dianalisis bagi menentukan tahap setiap risiko tersebut dan pelan tindakan untuk mengatasinya.

Maklumat dan data lain yang digunakan oleh organisasi dalam mengenal pasti risiko rasuah adalah Laporan SPRM, Laporan Ketua Audit Negara, Laporan Tatatertib Jabatan, Laporan Aduan Jabatan, Laporan Audit Dalam Jabatan dan Laporan Tahunan Jabatan.

Jumlah risiko yang dikenal pasti dalam CRM RISDA adalah seperti berikut:

TAHAP	JUMLAH RISIKO
HIGH (TINGGI)	-
SIGNIFICANT (SIGNIFIKAN)	11
MODERATE (SEDERHANA)	13
LOW (RENDAH)	3
JUMLAH KESELURUHAN	27



Setiap 27 risiko tersebut ditangani dengan penyelesaian untuk risiko rasuah iaitu mengukuhkan kawalan sedia ada melalui penambahbaikan ke atas pemantauan, sistem, polisi dan proses, melaksanakan kawalan baru dan memperkenalkan kaedah baru untuk mengesan salah laku rasuah yang boleh menyebabkan risiko tertentu atau melalui gabungan pilihan di atas dengan mengambil kira kos, kelebihan dan keberkesanan rawatan yang dipilih.

x. BIDANG-BIDANG BERISIKO



PENTADBIRAN

- ▶ Sektor pentadbiran merangkumi pengurusan hal ehwal pentadbiran sesebuah organisasi dalam melaksanakan fungsi dan matlamat organisasi tersebut. Perkara penting yang perlu diberi perhatian dan mencerminkan imej organisasi adalah penyampaian perkhidmatan yang ditawarkan oleh organisasi.
- ▶ Penyampaian perkhidmatan yang baik dan menepati kehendak golongan sasaran akan memberikan kesan dan imej baik kepada organisasi. Hal ini juga bergantung kepada dasar dan kaedah yang telah digubal oleh organisasi untuk menepati kesesuaian semasa. Organisasi perlu mengambil pendekatan dan inisiatif yang lebih terancang dan sistematik bagi memastikan sektor pentadbiran ini diuruskan dengan cekap dan bertanggungjawab.

PEROLEHAN

- ▶ Berdasarkan *Organization for Economic Co-operation and Development (OECD)*, perolehan awam merujuk kepada pembelian barangan, perkhidmatan dan kerja oleh organisasi. Perolehan yang dilaksanakan oleh organisasi akan melibatkan peruntukan dan sumber kewangan yang besar. Oleh itu setiap organisasi perlu melaksanakannya dengan cekap dan teratur agar kepentingan organisasi dapat dilindungi, tiada pembaziran dan ketirisan sumber kewangan yang digunakan.

TADBIR URUS KORPORAT

- ▶ Tadbir urus korporat adalah merujuk kepada sistem peraturan, amalan dan proses bagi sesebuah organisasi korporat dikawal selia dan diuruskan dengan berhemah. Berdasarkan *Organization for Economic Co-operation and Development (OECD)*, tadbir urus korporat yang baik bagi sesebuah organisasi akan dapat membantu dalam memastikan organisasi menggunakan modal dengan cekap dan mengambil kira kepentingan pelbagai pihak. Matlamat bagi sesebuah organisasi korporat adalah untuk memastikan organisasi beroperasi demi kepentingan masyarakat secara keseluruhannya yang mana menjadikan organisasi bukan sahaja bertanggungjawab terhadap pemegang saham tetapi juga kepada semua pemegang taruh.

BAB 2

SENARIO MASA HADAPAN



i. MENGHUBUNGKAN HARI INI DENGAN MASA HADAPAN

Adalah penting untuk RISDA sedar akan perubahan semasa dan kesannya apabila melakukan intervensi penggubalan dasar. Organisasi yang cekap haruslah mengambil kira perubahan semasa dan impaknya kepada masa hadapan. Perubahan konteks sosial menjadi pemacu utama kepada organisasi untuk menilai semula pendekatan dalam membina dan melaksanakan sesuatu dasar bersama-sama pemegang taruh.

Berikut merupakan beberapa senario antirasuah 2030 yang dilihat akan memberi impak dan kesan besar kepada pemantapan tadbir urus dan usaha organisasi untuk membanteras rasuah:



S1	S2	S3	S4
<p>SENARIO KESINAMBUNGAN (CONTINUATION)</p> <p>Masa hadapan yang mempamerkan kejayaan yang dikecapi melalui penggubalan dan kewujudan RACP tetapi tidak berupaya untuk bertahan atau tidak mampan.</p>	<p>SENARIO KEKANGAN (LIMITS AND DISCIPLINED)</p> <p>Masa hadapan yang merujuk kepada visi yang digariskan dalam RACP tidak dapat dicapai ekoran kekangan dalaman dan persekitaran.</p>	<p>SENARIO PERKEMBANGAN (GROWTH)</p> <p>Masa hadapan di mana hasil kewujudan RACP telah menyebabkan anjakan menuju fasa sebuah organisasi yang beretika dengan mendokong integriti yang tinggi dan berteraskan nilai.</p>	<p>SENARIO MERUDUM (DECLINE AND COLLAPSE)</p> <p>Rasuah menjadi kelaziman di kalangan warga organisasi sekaligus memperlihatkan sistem sosial runtuh sama sekali tanpa sebarang jalan penyelesaian.</p>



MATRIK SENARIO: SENARIO ANTIRASUAH 2030

*Matrik senario berikut mewakili input kolektif yang diperolehi daripada peserta semasa bengkel perancangan senario (scenario planning).

	PENTADBIRAN	TADBIR URUS KORPORAT	PEROLEHAN
S1 SENARIO KESINAMBUNGAN (CONTINUATION)	Penggunaan teknologi maklumat sebagai satu platform dan mekanisme tadbir urus menjadikan organisasi lebih responsif dan mutu perkhidmatan dapat dipertingkatkan. Gejala rasuah dalam organisasi masih wujud disebabkan konflik kepentingan. Rasuah masih dianggap sebagai isu teknikal berbanding isu insan.	Sistem tadbir urus hanya tertumpu kepada matlamat untuk mencapai keuntungan dan pulangan pelaburan berlipat ganda. Elemen pengurusan modal insan dan pengukuhan integriti tidak diambil kira. Amalan sedia ada di organisasi menyebabkan wujud ruang dan peluang kepada rasuah dan salah guna kuasa.	Penggunaan teknologi dalam proses perolehan telah dapat mengurangkan penglibatan manusia. Walau bagaimanapun, isu ketelusan dalam perolehan masih wujud dalam bidang tertentu. Peranan orang tengah, kebocoran maklumat dan pengaruh pihak luar masih wujud dalam urusan perolehan organisasi.
S2 SENARIO KEKANGAN (LIMITS AND DISCIPLINED)	Tadbir urus yang baik diamalkan tetapi terlalu bergantung kepada individu tertentu untuk memastikan kejayaannya. Rasuah masih berlaku disebabkan usaha-usaha yang dijalankan tidak dirancang dengan sewajarnya.	Kurang kesungguhan dan kekangan pelaksanaan telah menyebabkan pencapaian yang rendah dalam meningkatkan tadbir urus di organisasi walaupun organisasi mempunyai perancangan dan harapan yang besar. Pengwujudan sistem tadbir urus yang kukuh telah membentuk mekanisme semak dan imbang dalam organisasi. Walau bagaimanapun hanya segelintir sektor yang berjaya kerana kebanyakannya masih terlibat dalam amalan rasuah dan salah guna kuasa.	Pembangunan dan penggunaan teknologi untuk membanteras rasuah dalam perolehan organisasi. Teknologi digunakan sebagai satu instrumen untuk meningkatkan ketelusan dalam pemantauan dan pencegahan rasuah dalam proses perolehan.
S3 SENARIO PERKEMBANGAN (GROWTH)	Sistem tadbir urus awam melibatkan penyertaan aktif oleh semua warga organisasi dan semua pemegang taruh. Peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan dapat dilihat disebabkan penggunaan teknologi yang efektif dan pengamalan ketelusan dalam membuat keputusan.	Persekitaran perniagaan yang menjunjung kepada pematuhan undang-undang dan peraturan sedia ada di organisasi. Hal ini, mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil, saksama dan telus seterusnya menarik pelaburan tempatan dan asing.	Kerangka tadbir urus yang kukuh dan padu bagi menjamin proses semak dan imbang. Peranan Pengurusan dan semua warga organisasi dapat dilaksanakan dengan teratur bagi mengelakkan ketirisan. Penghayatan nilai integriti oleh pihak luar turut menyumbang kepada persekitaran yang sihat.
S4 SENARIO MERUDUM (DECLINE AND COLLAPSE)	Amalan tadbir urus menjadi eksklusif. Kerenah birokrasi serta campur tangan politik menjadi sebatil dalam penyampaian perkhidmatan organisasi yang mempengaruhi pembuat keputusan. Ini telah mengakibatkan berlakunya ketidakpatuhan, ketiadaan kawalan dalaman serta kegagalan prosedur pentadbiran.	Rasuah berlaku pada setiap peringkat dalam ekosistem dan telah menjadi budaya dalam kalangan warga organisasi hingga mengakibatkan kehilangan keyakinan pelanggan terhadap integriti organisasi.	Penyalahgunaan kuasa oleh ahli politik yang memegang kuasa ke atas urusan perolehan menjadi semakin berleluasa dan tidak terkawal. Saluran pengaduan menjadi tidak lagi berkesan dan capaian kepada perundingan awam juga tidak wujud. Platform teknologi dimanipulasi oleh pihak dalaman untuk kepentingan diri.

BERDASARKAN SENARIO ANTIRASUAH 2030 YANG DIBANGUNKAN, BERIKUT ADALAH:

GAMBARAN UMUM MATLAMAT DAN KEBIMBANGAN BERSAMA

MATLAMAT BERSAMA

Matlamat bersama mewakili nilai dan prinsip bersama yang memberi cerminan ke atas idea yang diteroka secara bersama dan diutamakan semasa membangunkan senario tersebut. Senario ini merangkumi matlamat dan harapan masa hadapan yang ingin dicapai. Ia memerlukan komitmen jitu dan kolektif daripada pemegang taruh, Pengurusan dan seluruh warga organisasi.

- Kejayaan dalam pembaharuan tadbir urus khususnya berkaitan proses dan struktur.
- Usaha membanteras rasuah yang mampan dan berterusan.
- Pemupukan nilai dan integriti melalui pendidikan dan latihan di pelbagai peringkat.
- Pemeriksaan organisasi serta bebas dalam usaha membanteras rasuah.
- Kerjasama yang lebih erat dengan pihak berkuasa dan agensi berkaitan serta penyelarasan yang lebih teratur.
- Peranan teknologi dalam meningkatkan ketelusan dan mengekang rasuah.

KEBIMBANGAN BERSAMA

Kebimbangan bersama mencakupi ancaman dan risiko yang diterjemahkan melalui empat senario yang dibangunkan. Sekiranya amalan rasuah tidak ditangani, masa hadapan bakal suram.

- Rasuah berakar umbi, menjadi kebiasaan dan sebahagian daripada budaya.
- Usaha pembaharuan tidak mampan dan tidak dikawal selia.
- Usaha dan agenda antirasuah dipandang remeh oleh pihak berkepentingan.
- Tadbir urus baik dipersendakan.
- Pemantauan dan penguatkuasaan dilihat tidak berkesan kerana tadbir urus yang lemah.
- Pembuatan keputusan yang mengelirukan khususnya berkaitan isu dasar utama.
- Ancaman terhadap privasi dan hak asas.

PELUANG YANG ADA

Beberapa peluang yang mampu memperkukuh inisiatif antirasuah telah dikenal pasti melalui senario yang dibangunkan. Berikut adalah peluang yang telah dikenal pasti:

- Penilaian risiko dan profil pada projek kerajaan:** Meliputi kepada pelbagai jenis mekanisme yang boleh diaplikasi oleh organisasi bagi menjangka kebarangkalian rasuah berlaku secara dalaman mahupun luaran serta kesannya.
- Membangunkan indeks penilaian integriti:** Indeks dibangunkan untuk warga organisasi dalam mentafsir keupayaan organisasi mengawal rasuah serta memastikan semua dana dan sumber kewangan dibelanjakan secara bertanggungjawab dan telus.
- Penggunaan Sistem Pengurusan Antirasuah atau Sistem Pengurusan Risiko Rasuah:** Pelaksanaan secara efektif sistem antisogokan dan piawaian berkaitan akan membantu mengurangkan berlakunya risiko sogokan. Keyakinan pemegang taruh akan meningkat berkaitan amalan baik dan kawalan antisogokan yang mendapat pengiktirafan antarabangsa telah dilaksanakan.
- Reformasi tadbir urus:** Dasar dan amalan baik dalam organisasi menjadi petunjuk kepada ketelusan dan kebertanggungjawaban. Maka pembaharuan dasar dalam aspek kandungan atau amalan untuk proses pelaksanaan yang lebih mampan amat penting lantaran mampu mengembalikan keyakinan pelanggan terhadap organisasi.
- Penggunaan sistem berasaskan teknologi untuk tujuan analisis perolehan:** Penggunaan teknologi yang terkini dalam proses perolehan mampu mengoptimumkan proses serta capaian strategik. Penggunaan teknologi yang berterusan dan sistematik akan memacu penambahbaikan proses, maklumat dan pemahaman yang membawa kepada penjimatan sumber kewangan organisasi.
 - Lembaga Pengarah
 - Pengurusan
 - Warga Kerja
 - Pelanggan
 - Pihak Berkepentingan
- Memaksimumkan penglibatan warga organisasi:** Penubuhan kumpulan pemerhati antirasuah bagi memastikan inklusiviti yang akan melibatkan:
 - Lembaga Pengarah
 - Pengurusan
 - Warga Kerja
 - Pelanggan
 - Pihak Berkepentingan
- Sistem latihan yang menyeluruh:** Memupuk tadbir urus insan (*human governance*) warga organisasi melalui model latihan yang komprehensif berpaksikan tadbir urus insan dan program kepimpinan berterusan.



RISIKO YANG TERUNGKAI

Senario yang dibangunkan turut mengenal pasti risiko berikut:

- i. **Data dan maklumat sebagai komoditi** yang mudah untuk dimanipulasi bagi tujuan kepentingan peribadi.
- ii. **Kemerosotan peranan media digital, perubahan perisian dan perkakasan lapuk.** Pengurusan organisasi perlu lebih teliti dan serius dalam mengendalikan teknologi digital dan ICT. Kegagalan dalam mengendalikannya dengan sempurna boleh mengakibatkan kehilangan data yang akhirnya menyebabkan kerentanan pada sistem.
- iii. **Media yang prejudis** telah menyebarkan maklumat palsu dan mewujudkan persepsi negatif awam terhadap organisasi. Perkara ini terjadi apabila kewartawanan yang bersifat penyiasatan sudah tidak lagi wujud dalam media arus perdana. Wartawan mula cenderung kepada bidang perhubungan awam dan menulis untuk memenuhi kehendak pihak berkepentingan.
- iv. **Amalan rasuah di awal perkhidmatan.** Amalan rasuah yang terjadi di kalangan pegawai yang baru berkhidmat di organisasi. Pengesanan awal mampu mengawal risiko ini.
- v. **Kewujudan 'Little Napoleons'.** Istilah *Little Napoleons* tercipta untuk menggambarkan warga organisasi yang kurang membantu, sombong dan angkuh. Istilah ini boleh dianggap sebagai sindiran atau hinaan kerana *Napoleon* tidak memiliki ciri-ciri tersebut. Golongan ini boleh terus wujud walaupun dalam sebuah organisasi yang telah melalui transformasi, melainkan tindakan tegas diambil untuk mengawalinya.
- vi. **Desakan berterusan oleh pihak luar untuk kepentingan diri.** Organisasi menerima desakan daripada pihak luar untuk membuat keputusan yang menyebelahi mereka demi mengaut keuntungan.



PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN

Dengan membangunkan senario antirasuah pada masa hadapan, kewujudan "API DALAM SEKAM" dapat dikesan. Justeru, pembuat dasar dapat memberi lebih perhatian untuk menghadapinya.

- i. **Pakatan oleh pegawai organisasi bersama pihak luar** untuk mendapat keuntungan bagi sebarang projek, program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh organisasi.
- ii. **Penglibatan tangan ghaib.** Tadbir urus yang baik bergantung kepada sistem semak dan imbang. Namun, tadbir urus baik ini sukar untuk direalisasikan akibat daripada pengaruh tangan ghaib dalam membuat keputusan. Lebih buruk lagi, dengan ketiadaan mekanisme mengawal pengaruh tangan ghaib, gejala ini akan berterusan dan membarah.
- iii. **Amalan rasuah oleh pelanggan.** Ini boleh berlaku akibat berlakunya pakatan bersama pegawai organisasi yang menerima tawaran rasuah oleh pelanggan bagi tujuan memberi kelulusan bagi sesuatu projek atau program. Penyampaian perkhidmatan oleh organisasi akan terjejas akibat keputusan yang diambil bertentangan dengan undang-undang, tidak rasional, tiada pertimbangan jitu serta tidak memenuhi prosedur yang adil.
- iv. **RACP dilihat hanya "bagai melepaskan batuk di tangga".** Metafora ini digunakan untuk menggambarkan tentang dasar yang tampak hebat diwujudkan namun tiada tindakan yang bersungguh-sungguh dilaksanakan oleh organisasi untuk mengaplikasikan dasar tersebut. Dasar dibuat sekadar untuk memenuhi tuntutan ketika itu dan tidak memberi sebarang impak. Pemegang taruh merasakan dasar yang diperkenalkan tidak mampu untuk bertahan dalam jangka masa panjang. Senario boleh berlaku ketika pertukaran kepimpinan atau perubahan pihak yang memperjuangkan agenda antirasuah dalam organisasi.
- v. **Jangkaan ancaman terhadap etika,** piawaian dan integriti merujuk kepada ancaman sistemik yang menggugat nilai, etika dan komitmen tadbir urus dalam organisasi.



BAB 3

MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH



i. KEPERLUAN KEPADA KERANGKA PELAN

RISDA Melangkah Ke Hadapan

Kerajaan telah melancarkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 bagi menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan NKRA-Membanteras Rasuah. NACP yang telah dibangunkan adalah lebih menyeluruh dan berupaya memberi impak positif yang berkekalan. NACP diperkenalkan setelah mengambil kira pandangan pelbagai lapisan masyarakat berhubung isu kebebasan, hak, kesejahteraan dan ketidakstabilan ekonomi negara.

Tidak dinafikan, RISDA juga perlu menangani gejala rasuah dan kelemahan tadbir urus dengan segera serta mewujudkan sistem pentadbiran organisasi yang berintegriti tinggi demi kestabilan organisasi dan kesejahteraan pekebun kecil. Ini adalah kerana rasuah dan kelemahan tadbir urus telah membawa banyak kepincangan dan memberi kesan buruk kepada negara termasuk agensi kerajaan. Amalan rasuah perlu dihapuskan sepenuhnya daripada sistem pentadbiran organisasi bagi mengembalikan kestabilan dan kepercayaan terhadap kerajaan.

Ke arah itu, RISDA telah menetapkan matlamat yang jelas untuk mencapai visi RACP iaitu ke arah melahirkan warga RISDA dan Syarikat Milikan RISDA (SMR) yang bebas rasuah dan salah laku. Ianya adalah selaras dengan aspirasi Negara Malaysia untuk dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah. Bagi mencapai matlamat ini, RISDA akan mewujudkan dan menzahirkan usaha pencegahan rasuah yang strategik dan komprehensif untuk tempoh lima tahun akan datang.

Melalui RACP 2019-2023, ia akan memacu RISDA dan SMR ke arah peningkatan ketelusan dengan menerapkan prinsip integriti, tadbir urus baik dan kebertanggungjawaban dalam semua proses dan prosedur di organisasi. RACP akan bertindak sebagai satu instrumen untuk menghapuskan gejala rasuah, penyalahgunaan kuasa, mengekang campur tangan politik, menghentikan amalan kronisme dan nepotisme serta menghapuskan penyelewengan dan tadbir urus lemah. Pelaksanaan inisiatif yang telah dipertanggungjawabkan kepada Bahagian peneraju mampu meningkatkan tahap ketelusan dan integriti warga RISDA dan SMR sekaligus meningkatkan persepsi awam terhadap RISDA.

Beberapa bidang risiko yang terdedah kepada perlakuan rasuah telah dikenal pasti melalui kajian dan analisis terperinci terhadap data dan dapatan yang diperolehi daripada Pembangunan dan Penggubalan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP). Semua pengurusan tertinggi di RISDA dan SMR diwajibkan menyertai sesi libat urus ini. Hasilnya RACP telah digubal dan menggariskan sebuah kerangka yang menyeluruh dalam menangani kelemahan tadbir urus, memerangi rasuah dan salah guna kuasa.



ii. CARTA PEMBANGUNAN RACP 2019-2023



iii. GARIS PANDUAN ASAS UNTUK MEMBINA KERANGKA PELAN: 5As


Bagi memastikan pelan strategik ini berjalan lancar dan mengikut perancangan yang ditetapkan, pendekatan 5As yang menyeluruh digunakan untuk membina kerangka RACP yang mantap. Pendekatan tersebut adalah seperti berikut:



iv. KERANGKA RISDA ANTI-CORRUPTION PLAN (RACP) 2019-2023



v. MENGENAI KERANGKA *RISDA* ANTI-CORRUPTION PLAN (RACP) 2019-2023



Kerangka ini secara umumnya menggariskan dan mengenal pasti inisiatif yang mampu menyumbang kepada keberkesanan usaha membanteras gejala rasuah dan salah guna kuasa di *RISDA* dan SMR dengan memperkukuhkan integriti, governans dan antirasuah serta memupuk konsep tadbir urus baik melalui pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang telah dikuatkuasakan oleh organisasi.

vi. RINGKASAN BIDANG KEUTAMAAN RACP 2019-2023

1. PENTADBIRAN	MEMPERKUKUH KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN	19 RISIKO	110 INISIATIF
2. TADBIR URUS KORPORAT	MEMUPUK TADBIR URUS BAIK DALAM ENTITI	7 RISIKO	34 INISIATIF
3. PEROLEHAN	MEMPERTINGKAT KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN	2 RISIKO	9 INISIATIF
JUMLAH KESELURUHAN		28 RISIKO	153 INISIATIF

ASPIRASI *RISDA*

- ▶ **RISDA DIKENALI KERANA INTEGRITI DAN BUKANNYA RASUAH**

VISI

- ▶ **KE ARAH MELAHIRKAN WARGA *RISDA* DAN SYARIKAT MILIKAN *RISDA* (SMR) YANG BEBAS RASUAH DAN SALAH LAKU.**
Rasuah adalah kanser. Ia bukan sahaja boleh menggugat kemampanan organisasi, malah merosakkan imej dan tunjang nilai warga *RISDA* dan SMR. Malangnya, perkara ini telah menjadi budaya di kalangan masyarakat khususnya dalam memperolehi sesuatu tanpa melalui proses sepatutnya. Hanya dengan sogokan manfaat kewangan, maruah dan prinsip diri tergadai. Ia telah menjadi amalan yang diterima pakai dalam kehidupan tanpa kita semua sedar bahawa rasuah ini akhirnya memusnahkan kesejahteraan diri dan organisasi. Amalan rasuah ini mesti dihapuskan.

MISI

- ▶ **MENINGKATKAN KECEKAPAN, KETELUSAN DAN AKAUNTABILITI BERDASARKAN TADBIR URUS BAIK**
Pelaksanaan tadbir urus yang baik dalam organisasi adalah bagi memastikan sesebuah organisasi itu dapat menguruskan dan mengendalikan urusan pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat terutama kepada golongan sasaran secara cekap dan berkesan. Hal ini adalah untuk memastikan setiap urusan dan proses yang dilaksanakan adalah secara telus dan bebas daripada sebarang anasir rasuah atau salah guna kuasa. Dengan itu, setiap perkhidmatan yang disampaikan akan menepati kehendak masyarakat dan memberi impak positif kepada mereka. Organisasi yang sentiasa melaksanakan penambahbaikan secara konsisten dan berterusan dalam penyampaian perkhidmatan mampu menjadi sebuah organisasi yang kukuh dan berdaya saing serta mewujudkan persepsi yang baik oleh masyarakat.
- ▶ **MEWUJUDKAN PERSEKITARAN PERNIAGAAN YANG BERSIH**
Bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang bersih dalam sesebuah organisasi korporat, elemen tadbir urus korporat terbaik adalah satu perkara yang perlu dititikberatkan disamping usaha untuk memperkukuh nilai-nilai murni dan etika perniagaan yang unggul yang mampu mewujudkan bukan saja persekitaran organisasi yang bebas rasuah tetapi proses pelaksanaan perniagaan yang bersih dan telus.

MATLAMAT

- ▶ **EFISIEN DAN RESPONSIF DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**
Memastikan penyampaian perkhidmatan organisasi yang berkualiti dan terbaik serta menepati kehendak kumpulan sasaran.
- ▶ **INTEGRITI DALAM PERNIAGAAN**
Membudayakan amalan integriti dalam setiap urusan perniagaan yang dilaksanakan dengan memperkukuh nilai dan etika setiap warga bagi memastikan kelangsungan organisasi.

vii. ANALISIS KE ATAS DATA-DATA RISDA DAN SMR


a) TATATERTIB

• JUMLAH KES TATATERTIB DI RISDA BAGI TAHUN 2015-2019

Dalam usaha untuk memastikan kawalan dalaman dan pengurusan disiplin warga RISDA diuruskan dengan baik, Pengurusan RISDA melalui Arahan Pentadbiran Bilangan 20 Tahun 2013 telah menubuhkan Unit Integriti RISDA selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 yang dikeluarkan oleh Kerajaan. Unit Integriti yang ditubuhkan bertanggungjawab untuk melaksanakan enam fungsi teras iaitu Tadbir Urus, Pengukuhan Integriti, Pengesanan dan Pengesahan, Pengurusan Aduan, Pematuhan dan Tatatertib.

Bagi menguruskan kes-kes pelanggaran tatakelakuan oleh warga RISDA, RISDA menerima pakai Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) yang telah menggariskan dan menetapkan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh semua warga RISDA.

JUMLAH KES TATATERTIB DI RISDA UNTUK TAHUN 2015-2019




CARTA 1: JUMLAH KES TATATERTIB DI RISDA UNTUK TAHUN 2015-2019

• Data adalah setakat 1 November 2019

Berdasarkan Carta 1, dapat dilihat berlaku peningkatan jumlah kes tatatertib bermula pada tahun 2016 yang mana dicatatkan sebanyak 19 kes berbanding 15 kes pada tahun sebelumnya. Peningkatan jumlah kes tatatertib juga terus meningkat mendadak iaitu pada tahun 2017 dengan 31 kes. Ini merupakan satu perbezaan yang amat ketara yang mana dapat disimpulkan masih terdapat kekurangan kesedaran mengenai integriti dan pematuhan peraturan di kalangan warga organisasi.

Pelbagai program-program kesedaran dan pengukuhan integriti dilaksanakan dan merupakan satu faktor yang menyebabkan berlakunya penurunan jumlah kes tatatertib pada tahun 2018 dengan hanya 10 kes dicatatkan pada tahun tersebut. Namun peningkatan kembali dicatatkan pada tahun 2019 dengan jumlah 28 kes setakat 1 November 2019. Ini menunjukkan wujud kesedaran yang tinggi di kalangan pegawai penyelia untuk mengambil tindakan tegas terhadap sebarang pelanggaran peraturan.

• PECAHAN KES TATATERTIB DI RISDA MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2015-2019




CARTA 2: PECAHAN KES TATATERTIB DI RISDA MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2015-2019

• Data adalah setakat 1 November 2019

Berdasarkan Carta 2, dapat dilihat pegawai daripada skim perkhidmatan pertanian (G) sering mencatatkan bilangan kes tatatertib tertinggi berbanding skim perkhidmatan yang lain. Hal ini adalah kerana pegawai daripada skim perkhidmatan ini mengisi jumlah perjawatan terbesar di RISDA. Mereka merupakan barisan hadapan RISDA yang sentiasa berhadapan dengan masyarakat pekebun kecil dan kerap terdedah dengan risiko pelanggaran tatakelakuan. Selain itu, semua pegawai skim perkhidmatan lain juga turut berisiko melakukan pelanggaran.

• **JENIS-JENIS KES TATATERTIB DI RISDA BAGI TAHUN 2015-2019**



CARTA 3: JENIS-JENIS KES TATATERTIB DI RISDA BAGI TAHUN 2015-2019

• **Data adalah setakat 1 November 2019**

Carta 3 menunjukkan daripada keseluruhan 103 kes tatatertib di RISDA bagi tahun 2015 hingga 2019, kes tidak hadir bertugas merupakan kes pelanggaran peraturan paling tinggi berlaku dengan 36 kes (35%). Kes pemalsuan dokumen mencatat kedudukan kedua tertinggi dengan 20 kes (19.4%) dan kes pegawai tidak jujur dan tidak amanah di kedudukan ketiga tertinggi iaitu sebanyak 15 kes (14.5%). Senario kesalahan tidak hadir bertugas yang berlaku di RISDA adalah sama dengan senario yang berlaku dalam perkhidmatan awam yang mencatatkan hampir 80% kesalahan bertumpu kepada tidak hadir bertugas. Lain-lain kes tatatertib adalah sepertimana di carta.



• **JENIS HUKUMAN TATATERTIB DI RISDA BAGI TAHUN 2015-2019**

	2015	2016	2017	2018	2019	JUMLAH
AMARAN	2	6	7	13	3	31
DENDA	-	2	-	-	1	3
LUCUT HAK EMOLUMEN	-	3	5	2	1	11
TANGGUH PERGERAKAN GAJI	-	-	3	-	-	3
TURUN GAJI	-	-	6	-	-	6
TURUN PANGKAT	1	-	-	-	-	1
BUANG KERJA	4	13	3	1	2	23
JUMLAH	7	24	24	16	7	78

JADUAL 1: JENIS HUKUMAN TATATERTIB DI RISDA BAGI TAHUN 2015-2019

• **Data adalah setakat 1 November 2019**


Berdasarkan Jadual 1, daripada jumlah keseluruhan 103 kes tatatertib bagi tahun 2015-2019, hukuman paling tinggi dikenakan dalam tempoh tersebut adalah hukuman amaran yang merangkumi 40% daripada keseluruhan hukuman, diikuti hukuman buang kerja 30%, lucut hak emolumen 14% dan baki lain-lain jenis hukuman 16%.

Mana-mana pegawai yang melakukan pelanggaran tatakelakuan boleh dikenakan hukuman tatatertib bagi kesalahan yang telah dilakukan. Tindakan tersebut bukan sahaja bersifat punitif tetapi juga bagi memberi pengajaran kepada pegawai lain agar tidak melakukan kesalahan yang sama. Pengurusan RISDA sentiasa komited dalam mengukuhkan aspek governans dan integriti di kalangan warga RISDA dan tidak bertolak ansur ke atas sebarang pelanggaran peraturan. Ia dilakukan semata-mata untuk memelihara nama baik dan kepentingan RISDA.



b) PECAHAN ADUAN DI RISDA MENGIKUT KATEGORI BAGI TAHUN 2017-2019

PECAHAN ADUAN DI RISDA DAN SMR MENGIKUT KATEGORI BAGI TAHUN 2017-2019




CARTA 4: PECAHAN ADUAN DI RISDA DAN SMR MENGIKUT KATEGORI BAGI TAHUN 2017-2019

- Data adalah setakat 1 November 2019

Carta 4 menunjukkan pecahan aduan di RISDA dan SMR mengikut kategori bagi tempoh tiga tahun bermula pada tahun 2017-2019. Terdapat empat kategori aduan yang merangkumi program tanam semula, program pembangunan usahawan, salah laku pegawai dan lain-lain aduan. Aduan berkaitan program tanam semula mencatatkan jumlah aduan paling tinggi dengan 54 kes, diikuti salah laku pegawai 53 kes, lain-lain aduan 52 kes dan program pembangunan usahawan 10 kes. Aduan yang tinggi berkaitan program teras RISDA iaitu program tanam semula menunjukkan bahawa terdapat banyak kelemahan dalam sistem penyampaian dan wujud ruang penambahbaikan ke atas pelaksanaan program ini. Selain itu, statistik di atas juga menggambarkan aspek pengukuhan integriti dan pemantapan kualiti peribadi pegawai perlu diberi perhatian oleh Pengurusan.

c) LAPORAN STATISTIK SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) YANG MELIBATKAN RISDA DAN SMR BAGI TAHUN 2012-2017

LAPORAN SPRAM MELIBATKAN PEGAWAI RISDA



CARTA 5: LAPORAN STATISTIK SPRM YANG MELIBATKAN RISDA DAN SMR BAGI TAHUN 2012-2017


- Data adalah setakat 31 Disember 2017

Carta 5 menunjukkan jumlah keseluruhan laporan statistik Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang melibatkan RISDA dan SMR bagi tempoh 6 tahun bermula pada tahun 2012 hingga 2017. Sebanyak 137 maklumat telah diterima bagi tempoh tersebut dengan paling tinggi dicatatkan pada tahun 2012 dan 2014. Daripada jumlah maklumat tersebut, sebanyak 19 kertas siasatan telah dibuka oleh SPRM bagi menyiasat aduan dan maklumat tersebut. Ini menunjukkan hampir 86% daripada maklumat yang diterima oleh SPRM adalah bersifat tohmahan semata-mata dan kekurangan bukti.

Daripada 19 kertas siasatan yang dibuka, 11 tangkapan telah dibuat oleh SPRM bagi tujuan reman untuk membantu siasatan dan seterusnya seramai dua pegawai telah dituduh dan didakwa di mahkamah pada tahun 2017. Kedua-dua kes ini adalah melibatkan kesalahan mengemukakan laporan pemeriksaan kebun palsu bagi program tanam semula.

d) PERUNTUKAN PEMBANGUNAN RISDA BAGI TAHUN 2016-2019 RMK-11

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN RISDA BAGI TAHUN 2016-2019 RMK-11



CARTA 6: PERUNTUKAN PEMBANGUNAN RISDA BAGI TAHUN 2016-2019 RMK-11

Carta 6 memaparkan jumlah peruntukan pembangunan RISDA bagi tahun 2016 hingga 2019 iaitu empat tahun pertama Rancangan Malaysia Ke-11. Pecahan adalah berdasarkan empat program utama yang melibatkan fungsi RISDA dalam memberikan perkhidmatan kepada kumpulan sasaran iaitu pekebun kecil. Empat program tersebut adalah Program Pembangunan Kawasan Tanam Semula Getah, Aktiviti Ekonomi Tambahan dan Keusahawanan, Peningkatan Produktiviti dan Pembangunan Pekebun Kecil dan lain-lain program. Berdasarkan analisis yang dilakukan, hampir 80% daripada jumlah peruntukan pembangunan RISDA tertumpu kepada Program Pembangunan Kawasan Tanam Semula Getah (tidak termasuk Bantuan Musim Tengkujuh) dan baki 20% bagi lain-lain program.

viii. PUNCA UTAMA RASUAH

Berdasarkan analisis maklumat berkaitan rasuah yang diterima Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi agensi kerajaan dan swasta antara 2013 hingga 2018 mengenal pasti empat punca utama rasuah adalah:





ix. ANALISIS KUADRAN

Analisis Kuadran di bawah menggambarkan keutamaan bagi 42 inisiatif yang dikenal pasti daripada 153 inisiatif berdasarkan punca rasuah yang ditemui. 42 inisiatif ini ditentukan berdasarkan analisis tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya. 38 inisiatif yang dikenal pasti berada dalam kelompok Kuadran A: Impak tinggi dan kompleksiti rendah bermaksud memerlukan usaha gigih dalam pelaksanaannya sebaliknya mampu memberi kesan besar kepada transformasi tadbir urus organisasi. Manakala baki 4 inisiatif berada di Kuadran B: Impak tinggi dan kompleksiti tinggi. Ringkasan 42 inisiatif berkenaan adalah seperti berikut:



- STRATEGI 1** Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
- STRATEGI 2** Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Entiti.
- STRATEGI 3** Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan.





**TAKLIMAT KICK-OFF
PEMBANGUNAN
RISDA ANTI-CORRUPTION
PLAN (RACP) 2019-2023**



**BENKEL PEMBANGUNAN
DAN PENGGUBALAN
RISDA ANTI-CORRUPTION
PLAN (RACP) 2019-2023**



**PEMURNIAN RACP
2019-2023 BERSAMA
INTEGRITI**



**MESYUARAT JAWATANKUASA
PEMBANGUNAN RACP
2019-2023**





**SESI VIVA RACP 2019-2023
KEPADA GIACC DAN
INTEGRITI**



X. KEUTAMAAN STRATEGI: PENEKANAN 42 INISIATIF

Ringkasan berikut menunjukkan 42 inisiatif yang perlu diberi keutamaan daripada 153 jumlah keseluruhan inisiatif yang telah dikenal pasti. Ia merangkumi 27% daripada keseluruhan inisiatif dengan tiga strategi utama yang telah dikenal pasti dan menjadi fokus utama RISDA dan SMR iaitu memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan, memupuk tadbir urus baik dalam entiti dan mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan. 42 inisiatif ini dikenal pasti berdasarkan jangkaan impak yang tinggi dan kesegeraan untuk menangani isu rasuah, governans dan integriti.

NO.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
1	Mengkaji dan menambahbaik mekanisme pemantauan dengan meningkatkan lawatan pemeriksaan pengesahan kebun (TS18E) ke atas permohonan tanam semula semasa yang diluluskan oleh penyelia dan Ketua Pusat Tanggungjawab.	A	1
2	Menambahbaik pelaksanaan lawatan pemeriksaan kebun dengan mengaplikasi teknologi terkini eg. Memperkenalkan Sistem <i>Geo-Smart Farm</i> bagi laporan lawatan pemeriksaan kebun.	B	1
3	Menambahbaik sistem pengurusan benih dan baja dengan mengaplikasi teknologi terkini eg. Memperkenalkan Sistem <i>Geo-Smart Farm</i> bagi urusan pembekalan.	A	1
4	Menyemak semula dan menambah baik garis panduan berkaitan pengurusan benih dan baja.	A	1
5	Mengkaji dan menambahbaik Garis Panduan Pengurusan Aset Tak Alih RISDA bagi memastikan pengurusannya dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.	A	1
6	Mengkaji dan menambahbaik pelan strategik usahawan yang berteraskan aktiviti ekonomi bernilai tinggi, <i>customer-oriented</i> , akses pasaran yang luas dan mampan.	A	1
7	Memperkemaskan mekanisme penilaian daya maju projek dan pembekalan peralatan dengan menyemak semula dan menambahbaik garis panduan pelaksanaan program Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET).	A	1
8	Memperkukuhkan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan melalui latihan berasaskan kompetensi kepada pegawai bertanggungjawab.	A	1
9	Menambahbaik dasar dan mekanisme penurunan kuasa di setiap peringkat pengurusan (Ibu Pejabat /Negeri /Daerah).	A	1
10	Mengkaji dan menambahbaik peraturan kewangan dan tatacara pengurusan aset berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.	A	1

NO.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
11	Melaksanakan mekanisme pengauditan pengurusan kewangan melalui <i>Accountability Index Monitoring System (AIMS)</i> .	A	1
12	Memastikan keselamatan maklumat yang berterusan dengan mengemaskini dan menilai semula garis panduan keselamatan ICT selari dengan ISO/IEC 27001:2016 <i>Information Security Management System (ISMS)</i> .	A	1
13	Mewajibkan semua pegawai yang menguruskan maklumat terperingkat lulus tapisan keutuhan dan tapisan keselamatan.	A	1
14	Memperkenalkan Sistem Kawalan Keselamatan Bersepadu (ICMS) yang merangkumi Kawalan Kamera Litar Tertutup (CCTV), Kawalan Akses Pintu, Perakam Waktu Pegawai dan Kawalan Pelawat RISDA.	A	1
15	Melaksanakan kajian penilaian terhadap pencapaian dan pematuhan piagam pelanggan.	A	1
16	Menyemak semula dan menambahbaik panduan kerja dengan mewujudkan <i>MyPortfolio</i> bagi setiap pegawai RISDA sebagai pendekatan baru dalam pelaksanaan bidang tugas ke arah melonjakkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan.	A	1
17	Mewujudkan Prosedur Operasi Standard SMR (eg. <i>MyPortfolio</i>) bagi setiap pegawai SMR untuk pelaksanaan kerja.	A	1
18	Mendapatkan pensijilan sistem pengurusan kualiti <i>Malaysian Standard International Organization for Standardization (MS ISO)</i> dalam bidang teras perkhidmatan.	B	1
19	Menyemak semula dan menambahbaik garis panduan pengurusan tata tertib SMR.	B	1
20	Mewajibkan penggunaan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) di semua Pusat Tanggungjawab dan SMR.	A	1

NO.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
21	Mengkaji dan menambahbaik garis panduan serta mekanisme pengambilan pegawai bagi semua jawatan yang meliputi perkara-perkara berikut: - a) Saringan awal i. Lulus Ujian Aptitud (Peperiksaan <i>Online</i>). ii. Lulus Ujian Penilaian Kompetensi (Aktiviti/Ujian Fizikal/Psikometrik/ Bakat). iii. Lulus tapisan keselamatan (jika perlu). b) Temuduga i. Mengkaji dan menambahbaik penggunaan teknologi dalam penyediaan Kertas Pemarkahan Panel. ii. Menyemak semula dan menetapkan wajaran pemberat yang bersesuaian. iii. Lulus Ujian Urin. c) Memperteguh prinsip semak dan imbang melalui kajian dan semakan semula keahlian Jawatankuasa Perjawatan dan Kenaikan Pangkat / Jawatankuasa Perjawatan dan Latihan.	A	1
22	Menyemak dan menambahbaik terma rujukan perkhidmatan pegawai SMR.	A	1
23	Mengkaji dan menambahbaik Dasar Penempatan dan Pertukaran pegawai.	A	1
24	Mengkaji dan menambahbaik mekanisme pengurusan pertukaran dengan mewujudkan sistem secara <i>online</i> .	B	1
25	Mengkaji dan menambahbaik garis panduan kenaikan pangkat pegawai dengan menetapkan wajaran yang munasabah kepada perkara-perkara berikut: - i. Prestasi (LNPT) ii. Kekananan (<i>seniority</i>) iii. Sumbangan Luar iv. Kelayakan Profesional v. Kelayakan Akademik vi. Pengiktirafan vii. Memangku/Tanggung Kerja viii. Perakuan <i>Search Committee</i>	A	1
26	Mengkaji dan menambahbaik pelan strategik bagi pengurusan bakat dan pelan penggantian pegawai yang berteraskan sahsiah, kompetensi, profesionalisme, jati diri, integriti dan kepimpinan yang utuh.	A	1
27	Memperkuatkan kemahiran melalui latihan pengurusan kewangan berhemah dan bijak kepada semua pegawai.	A	1

NO.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
28	Mengkaji dan menambahbaik pelan strategik latihan sumber manusia yang berteraskan sahsiah, kompetensi, profesionalisme, jati diri, integriti dan kepimpinan yang utuh.	A	1
29	Memastikan penyediaan bajet tahunan untuk pelaksanaan program-program pengukuhan governans, integriti, antirasuah, tadbir urus insan dan psikologi .	A	1
30	Melaksanakan program-program pengukuhan nilai governans, integriti, antirasuah, tadbir urus insan dan psikologi .	A	1
31	Membangun dan mewujudkan Piagam ALP (<i>Board Charter</i>) yang komprehensif dan bersesuaian berdasarkan: i. <i>Malaysia Code on Corporate Governance (MCCG 2017)</i> . ii. <i>Panduan Putrajaya Committee on High Performance GLC (Green Book) - Enhancing Board Effectiveness</i> . iii. Garis Panduan ALP Lantikan Menteri Kewangan. iv. Garis panduan lain yang bersesuaian.	A	2
32	Mempertingkatkan keberkesanan ALP RISDA dan SMR dengan mengadakan latihan dan penerangan berkenaan peranan, tanggungjawab dan bidang kuasa ALP RISDA dan SMR.	A	2
33	Mengkaji dan menambahbaik mekanisme kawalan melalui semakan semula garis panduan pengurusan dana.	A	2
34	Memperkenalkan mekanisme pengurusan ladang yang efektif dan efisien melalui semakan semula dan penambahbaikan Garis Panduan Pengurusan Ladang RISDA dan pekebun kecil (TSB/TSK).	A	2
35	Memastikan pelaksanaan pengauditan prestasi dan kewangan ke atas pengurusan ladang.	A	2
36	Memperkukuhkan pengetahuan dan kemahiran melalui latihan pembangunan kompetensi kepada Ahli Jawatankuasa Pelaburan dan pegawai yang bertanggungjawab.	A	2
37	Menyemak semula dan menambahbaik Garis Panduan Sumbangan CSR RISDA dan SMR.	A	2
38	Mengkaji dan menambahbaik mekanisme untuk membincangkan agenda pengukuhan integriti, governans dan antirasuah secara berkala melalui penubuhan Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah SMR.	A	2
39	Mengkaji dan menambahbaik peruntukan perjawatan dan struktur Unit Integriti (UI) BPKP, Unit Tadbir Urus BPPS dan <i>Integrity Governance Unit (IGU) SMR</i> berdasarkan garis panduan yang ditetapkan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.	A	2

NO.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
40	Meningkatkan kesedaran dan kefahaman warga organisasi terhadap Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 melalui latihan dan penerangan.	A	2
41	Memperkukuhkan pengetahuan dan kemahiran melalui latihan tatacara perolehan kepada pegawai bertanggungjawab.	A	3
42	Menguatkuasa pusingan kerja secara mandatori kepada pegawai yang memegang jawatan sensitif dan tanggungjawab berisiko tinggi.	A	3



iv. KERANGKA RISDA ANTI-CORRUPTION PLAN (RACP) 2019-2023

PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Merekayasa Perkhidmatan Ke Arah Tadbir Urus Baik.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.2	Menggalakkan Merit dan Integriti Dalam Proses Pengambilan, Pemilihan dan Perlantikan Ke Mana-Mana Jawatan (Pemilihan dan Pengambilan).
OBJEKTIF STRATEGIK 1.3	Menambahbaik Keberkesanan Pendidikan Dan Pembangunan Profesional Berterusan Dalam Kalangan Pegawai Melalui Program Berdasarkan Kepada <i>Human Governance</i> .

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Merekayasa Perkhidmatan Ke Arah Tadbir Urus Baik.
JUMLAH RISIKO	13
JUMLAH INISIATIF	77

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Merekayasa Perkhidmatan Ke Arah Tadbir Urus Baik.

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Pemalsuan maklumat dalam Laporan Pemeriksaan Pendahuluan / Bantuan Ansuran Pertama/Berturut (TS18A) bagi program Tanam Semula.	1. Pegawai tidak berintegriti. 2. Sistem pengurusan program Tanam Semula yang lapuk. 3. Pegawai tidak kompeten.	1.1.1.1	Memupuk kesedaran pegawai dengan mewajibkan perkongsian slot integriti, governans dan antirasuah dalam latihan Pegawai Pemeriksa Kebun.	i. BL ii. BTSP	Setiap tahun (2020-2023)
			1.1.1.2	Mengkaji dan menambahbaik mekanisme pemantauan dengan meningkatkan lawatan pemeriksaan pengesahan kebun (TS18E) ke atas permohonan tanam semula semasa yang diluluskan oleh penyelia dan Ketua Pusat Tanggungjawab.	i. BTSP	Dis 2019 - Mac 2020
			1.1.1.3	Menambahbaik pelaksanaan lawatan pemeriksaan kebun dengan mengaplikasi teknologi terkini eg. Memperkenalkan Sistem <i>Geo-Smart Farm</i> bagi laporan lawatan pemeriksaan kebun.	i. BTSP ii. BTM	Dis 2019 - Jun 2021
			1.1.1.4	Memperkuhkan pengetahuan melalui latihan berasaskan kompetensi kepada pegawai bertanggungjawab.	i. BL ii. BTSP	Setiap tahun sekali (2020-2023)
			1.1.1.5	Memastikan pelaksanaan pengauditan pematuhan program Tanam Semula.	i. BIAD	Setiap tahun sekali (2020-2023)
			1.1.1.6	Mengenakan tindakan tatatertib kepada pelaku dan melaporkan kepada pihak berkuasa berkaitan jika perlu.	i. Ketua Pusat Tanggungjawab	Berdasarkan kes

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Merekayasa Perkhidmatan Ke Arah Tadbir Urus Baik.

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	TEMPOH MASA	
2.	Penyelewengan dan penipuan dalam pengurusan benih dan baja bagi program Tanam Semula.	1. Pegawai tidak berintegriti. 2. Sistem pengurusan bekalan benih dan baja yang lapuk. 3. Kurang pemantauan oleh pegawai penyelia.	1.1.2.1	Memupuk kesedaran pegawai dengan mewajibkan perkongsian slot integriti, governans dan antirasuah dalam latihan pegawai yang bertanggungjawab dalam pengurusan benih dan baja.	i. BL ii. BBIP iii. BTSP	Setiap tahun (2020-2023)
			1.1.2.2	Menambahbaik sistem pengurusan benih dan baja dengan mengaplikasi teknologi terkini eg. Memperkenalkan Sistem <i>Geo-Smart Farm</i> bagi urusan pembekalan.	i. BBIP ii. BTSP iii. BTM iv. BPPS v. RHSB	Dis 2019 - Jun 2021
			1.1.2.3	Menyemak semula dan menambak garis panduan berkaitan pengurusan benih dan baja.	i. BBIP ii. BTSP iii. BPPS iv. RHSB	Dis 2019 - Jun 2020
			1.1.2.4	Memastikan pelaksanaan pengauditan pematuhan terhadap pengurusan benih dan baja.	i. BIAD	Setiap tahun sekali (2020-2023)
			1.1.2.5	Memperkasakan mekanisme pemantauan dengan meningkatkan kekerapan semakan mengejut mandatori ke atas stok baja oleh Ketua Pusat Tanggungjawab.	i. BBIP	Setiap 2 bulan sekali (2020-2023)
			1.1.2.6	Memastikan pelaksanaan lawatan verifikasi stok baja oleh Jawatankuasa Verifikasi Stok.	i. BKB	Setiap tahun sekali (2020-2023)

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Merekayasa Perkhidmatan Ke Arah Tadbir Urus Baik.

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA
2.			1.1.2.7	Menguatkuasakan arahan semakan mandatori ke atas penyata baki stok baja setiap kali berlaku pertukaran Ketua Pusat Tanggungjawab.	i. BBIP	Dis 2019 - Mac 2020
			1.1.2.8	Mengenakan tindakan tatatertib kepada pelaku dan melaporkan kepada pihak berkuasa berkaitan jika perlu.	i. Ketua Pusat Tanggungjawab	Berdasarkan kes

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Merekayasa Perkhidmatan Ke Arah Tadbir Urus Baik.

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA
3.	Kelemahan pengurusan hartanah yang menyebabkan kerugian pendapatan.	1. Garis panduan Pengurusan Aset Tak Alih yang lapuk. 2. Pegawai tidak kompeten. 3. Sistem Pengurusan Aset Tak Alih RISDA (e-Hartanah) tidak digunakan secara optimum.	1.1.3.1	Mengkaji dan menambahbaik Garis Panduan Pengurusan Aset Tak Alih RISDA bagi memastikan pengurusannya dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.	i. BP ii. BTSP iii. BBIP iv. BL v. BPPS vi. RHSB	Dis 2019 - Mac 2020
			1.1.3.2	Mengkaji semula dan memperkasakan Sistem Pengurusan Aset Tak Alih RISDA (e-Hartanah).	i. BP ii. BTM	Dis 2019 - Sept 2020
			1.1.3.3	Menyemak semula dan menambahbaik perjanjian pengurusan hartanah di antara RISDA dan SMR bagi memastikan kepentingan RISDA dan SMR terpelihara.	i. BP ii. BPKP iii. BPPS iv. RHSB	Dis 2019 - Jun 2020
			1.1.3.4	Memperkukuhkan pengetahuan dan kemahiran melalui latihan pengurusan Aset Tak Alih kepada pegawai bertanggungjawab.	i. BP ii. BTSP iii. BBIP iv. BL v. BPPS vi. RHSB	Setiap tahun sekali (2020-2023)
4.	Pelaksanaan pelan strategik usahawan yang kurang berkesan dan tidak mencapai sepenuhnya matlamat yang ditetapkan.	1. Pemilihan pengusaha yang tidak menepati kriteria. 2. Pemilihan vendor yang tidak kompeten. 3. Pegawai tidak kompeten. 4. Pelan strategik usahawan yang kurang berkesan.	1.1.4.1	Mengkaji dan menambahbaik pelan strategik usahawan yang berteraskan aktiviti ekonomi bernilai tinggi, <i>customer-oriented</i> , akses pasaran yang luas dan mampan.	i. BPU	Dis 2019 - Sept 2020

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Merekayasa Perkhidmatan Ke Arah Tadbir Urus Baik.

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA
5.	Kelemahan dan kurang ketelusan dalam pelaksanaan program Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET).	1. Garis panduan yang lapuk. 2. Pegawai tidak berintegriti. 3. Pegawai tidak kompeten. 4. Wujud <i>Conflict of Interest</i> di antara kepentingan jabatan dan peribadi. 5. Kegagalan pemantauan oleh pegawai penyelia. 6. Tiada auditan. 7. Tiada kajian impak.	1.1.5.1	Memperkukuhkan mekanisme penilaian daya maju projek dan pembekalan peralatan dengan menyemak semula dan menambahbaik garis panduan pelaksanaan program Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET).	i. BPU	Dis 2019 - Mac 2020
			1.1.5.2	Memperkukuhkan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan melalui latihan berasaskan kompetensi kepada pegawai bertanggungjawab.	i. BL ii. BPU	Setiap Tahun (2020-2023)
			1.1.5.3	Memupuk kesedaran pegawai dengan mewajibkan perkongsian slot integriti, governans dan antirasuah dalam latihan pegawai bertanggungjawab.	i. BL ii. BPU	Setiap tahun (2020-2023)
			1.1.5.4	Memperkasakan mekanisme pemantauan dengan menguatkuasakan semakan mengejut mandatori ke atas projek AET oleh penyelia dan Ketua Pusat Tanggungjawab.	i. BPU ii. Ketua Pusat Tanggungjawab	Setiap Suku Tahun (2020-2023)
			1.1.5.5	Memastikan pelaksanaan pengauditan prestasi terhadap program AET.	i. BIAD	Setiap Tahun Sekali (2020-2023)
			1.1.5.6	Melaksanakan kajian impak bagi mengetahui tahap keberkesanan pelaksanaan program AET RMK-11.	i. BDPS ii. BPU iii. Ketua Pusat Tanggungjawab	Jan 2021 - Dis 2021
			1.1.5.7	Mewajibkan semua Ahli Jawatankuasa Melulus Permohonan AET (JMPAET) menandatangani Surat Akuan Akujanji <i>Integrity Pact</i> berkaitan konflik kepentingan.	i. BPU iii. Ketua Pusat Tanggungjawab	Dis 2019 - Mac 2020

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Merekayasa Perkhidmatan Ke Arah Tadbir Urus Baik.

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA
6.	Kelemahan dan kurang ketelusan dalam pengurusan program Pembangunan Usahawan.	1. Garis panduan tidak jelas. 2. Pegawai tidak berintegriti. 3. Pegawai tidak kompeten. 4. Wujud <i>Conflict of Interest</i> di antara kepentingan jabatan dan peribadi. 5. Kegagalan pemantauan oleh pegawai penyelia. 6. Tiada auditan. 7. Tiada kajian impak.	1.1.6.1	Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan melalui semakan semula Fokus Pelaksanaan program Pembangunan Usahawan.	i. BPU	Dis 2019 - Mac 2020
			1.1.6.2	Memperkuhkan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan melalui latihan berasaskan kompetensi kepada pegawai bertanggungjawab.	i. BL ii. BPU	Setiap Tahun (2020-2023)
			1.1.6.3	Memastikan pelaksanaan pengauditan prestasi terhadap program Pembangunan Usahawan.	i. BIAD ii. BPU	Setiap Tahun Sekali (2020-2023)
			1.1.6.4	Melaksanakan kajian impak bagi mengetahui tahap keberkesanan pelaksanaan program Pembangunan Usahawan RMK-11.	i. BDPS ii. BPU iii. Ketua Pusat Tanggungjawab	Jan 2021 - Dis 2021
			1.1.6.5	Mewajibkan semua Ahli Jawatankuasa Melulus Permohonan PPU (JMPPPU) menandatangani Surat Akuan Akujanji <i>Integrity Pact</i> berkaitan konflik kepentingan.	i. BPU	Dis 2019 - Mac 2020
			1.1.6.6	Memperteguh prinsip semak dan imbang melalui kajian dan semakan semula keahlian Jawatankuasa Melulus Permohonan PPU (JMPPPU).	i. BPU	Dis 2019 - Mac 2020

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Merekayasa Perkhidmatan Ke Arah Tadbir Urus Baik.

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA
7.	Penipuan dan pemalsuan dokumen dalam pengurusan kewangan, pentadbiran dan aset dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan peribadi.	1. Wujud <i>Conflict of Interest</i> di antara kepentingan jabatan dan peribadi. 2. Pegawai tidak berintegriti. 3. Peraturan yang lapuk. 4. Kegagalan pemantauan oleh pegawai penyelia.	1.1.7.1	Menambahbaik dasar dan mekanisme penurunan kuasa di setiap peringkat pengurusan (Ibu Pejabat /Negeri /Daerah).	i. BPKP ii. BTSP iii. BKB iv. BPSM v. BPPT vi. BL vii. BPK viii. BBIP ix. BPP x. BPU xi. BKJ xii. BP	Dis 2019 - Mac 2020
			1.1.7.2	Memupuk kesedaran semua pegawai dengan mewajibkan perkongsian slot integriti, governans dan antirasuah dalam latihan pengurusan kewangan, pentadbiran dan aset.	i. BL ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun (2019-2023)
			1.1.7.3	Mengkaji dan menambahbaik peraturan kewangan dan tatacara pengurusan aset berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.	i. BKB ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2020-2023)
			1.1.7.4	Melaksanakan pengauditan pematuhan ke atas dokumen kewangan, pentadbiran dan aset.	i. BIAD ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2019-2023)
			1.1.7.5	Melaksanakan mekanisme pengauditan pengurusan kewangan melalui <i>Accountability Index Monitoring System</i> (AIMS).	i. BIAD ii. Ketua Pusat Tanggungjawab	Setiap setahun sekali (2019-2023)
			1.1.7.6	Mewujudkan kesedaran dan kebertanggungjawaban dalam pelaksanaan tugas melalui penguatkuasaan Auditan Kendiri (<i>Self-Auditing Assessment</i>).	i. BIAD ii. BPPS iii. RHSB iv. Ketua Pusat Tanggungjawab	Setiap tahun sekali (2020-2023)

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkuatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Merekayasa Perkhidmatan Ke Arah Tadbir Urus Baik.

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA
7.			1.1.7.7	Menambahbaik garis panduan penerimaan hadiah seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.	i. BPKP ii. BPPS iii. RHSB	Jan 2020 - Dis 2020
			1.1.7.8	Memperkenalkan pensijilan <i>Anti-Bribery Management System</i> (ABMS) MS ISO 37001.	i. BPKP ii. BPPS iii. RHSB	Jan 2020 - Dis 2020
			1.1.7.9	Memperkuatkan pengetahuan dan kemahiran melalui latihan berasaskan kompetensi kepada pegawai bertanggungjawab.	i. BL ii. BKB iii. BP iv. BPSM v. BPKP vi. BPPS vi. RHSB	Setiap tahun (2019-2023)
			1.1.7.10	Mengenakan tindakan tatatertib kepada pelaku dan melaporkan kepada pihak berkuasa berkaitan jika perlu.	i. Ketua Pusat Tanggungjawab ii. BPPS iii. RHSB	Berdasarkan kes

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkuatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Merekayasa Perkhidmatan Ke Arah Tadbir Urus Baik.

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA
8.	Kebocoran maklumat terperingkat	1. Pegawai tidak berintegriti. 2. Wujud <i>Conflict of Interest</i> di antara kepentingan jabatan dan peribadi. 3. Pegawai berkhidmat terlalu lama di unit/ pusat tanggungjawab/ cawangan/jabatan. 4. Sistem pengurusan keselamatan yang lapuk. 5. Tapisan keselamatan dan keutuhan tidak dilaksanakan.	1.1.8.1	Memupuk kesedaran semua pegawai dengan mewajibkan perkongsian slot integriti, governans dan antirasuah dalam latihan bagi pengurusan dokumen dan maklumat.	i. BL ii. BTM iii. BP iv. BPSM v. BPPS vi. RHSB	Setiap tahun (2019-2023)
			1.1.8.2	Mengadakan kursus pengurusan keselamatan dokumen dan maklumat berdasarkan Akta Rahsia Rasmi dan Arahan Keselamatan.	i. BL ii. BTM iii. BP iv. BPSM v. BPPS vi. RHSB	Setiap tahun (2020-2023)
			1.1.8.3	Memastikan keselamatan maklumat yang berterusan dengan mengemaskini dan menilai semula garis panduan keselamatan ICT selari dengan ISO/IEC 27001:2016 <i>Information Security Management System</i> (ISMS).	i. BTM ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2019-2023)
			1.1.8.4	Mewajibkan semua pegawai yang menguruskan maklumat terperingkat lulus tapisan keutuhan dan tapisan keselamatan.	i. BPSM ii. BPPS iii. RHSB	Dis 2019 - Mac 2020
			1.1.8.5	Mewajibkan semua pegawai menandatangani Surat Akuan Akujanji <i>Integrity Pact</i> berkaitan kerahsiaan.	i. BP ii. BPPS iii. RHSB	Jan setiap tahun (2020-2023)
			1.1.8.6	Mewajibkan semua individu (bukan pegawai RISDA) yang mempunyai akses tetap kepada kawasan berisiko tinggi untuk lulus tapisan keselamatan.	i. BP ii. BPPS iii. RHSB	Dis 2019 - Mac 2020
			1.1.8.7	Mengeluarkan arahan larangan penggunaan peralatan elektronik seperti telefon mudah alih dan sebagainya semasa terlibat dengan maklumat dan dokumen terperingkat jabatan.	i. BP ii. BPPS iii. RHSB	Dis 2019 - Mac 2020

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Merekayasa Perkhidmatan Ke Arah Tadbir Urus Baik.

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA
8.			1.1.8.8	Memperkenalkan Sistem Kawalan Keselamatan Bersepadu (ICMS) yang merangkumi Kawalan Kamera Litar Tertutup (CCTV), Kawalan Akses Pintu, Perakam Waktu Pegawai dan Kawalan Pelawat RISDA.	i. BP	Dis 2019 - Mac 2020
			1.1.8.9	Melaksanakan pengauditan pematuhan ke atas pengurusan rekod jabatan.	i. BIAD ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2020-2023)
			1.1.8.10	Menguatkuasa pusingan kerja secara mandatori kepada pegawai yang memegang jawatan sensitif dan tanggungjawab berisiko tinggi.	i. BPSM ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2019-2023)
			1.1.8.11	Mengenakan tindakan tatatertib kepada pelaku.	i. Ketua Pusat Tanggungjawab	Berdasarkan kes
9.	Penipuan laporan piagam pelanggan dengan tujuan untuk mencapai sasaran penyampaian perkhidmatan yang telah ditetapkan.	1. Pegawai tidak berintegriti. 2. Sistem kerja yang lapuk. 3. Tiada auditan.	1.1.9.1	Memperkasakan mekanisme pelaporan piagam pelanggan melalui pembangunan sistem <i>Business Intelligence</i> dan <i>Data Warehouse Management</i> .	i. BDPS ii. BTSP iii. BBIP iv. BTM	Jan 2020 - Dis 2020
			1.1.9.2	Melaksanakan kajian penilaian terhadap pencapaian piagam pelanggan.	i. BDPS	Setiap tahun sekali (2019-2023)
			1.1.9.3	Memastikan pelaksanaan pengauditan pematuhan terhadap prestasi piagam pelanggan.	i. BIAD	Setiap tahun sekali (2020-2023)
			1.1.9.4	Mengenakan tindakan tatatertib kepada pelaku.	i. Ketua Pusat Tanggungjawab	Berdasarkan kes

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Merekayasa Perkhidmatan Ke Arah Tadbir Urus Baik.

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA
10.	Kelemahan dan kesilapan dalam pelaksanaan tugas yang menjejaskan penyampaian perkhidmatan.	1. Tidak memahami dan mematuhi prosedur, proses dan aliran kerja. 2. Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja yang lapuk di RISDA. 3. Pegawai SMR tiada Prosedur Operasi Standard lengkap. 4. Pegawai tidak peka terhadap peraturan.	1.1.10.1	Menyemak semula dan menambahbaik panduan kerja dengan mewujudkan <i>MyPortfolio</i> bagi setiap pegawai RISDA sebagai pendekatan baru dalam pelaksanaan bidang tugas ke arah melonjakkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan.	i. BP	Dis 2019 - Mac 2020
			1.1.10.2	Mewujudkan Prosedur Operasi Standard SMR (eg. <i>MyPortfolio</i>) bagi setiap pegawai SMR untuk pelaksanaan kerja.	i. BPPS ii. RHSB	Dis 2019 - Dis 2020
			1.1.10.3	Menyemak semula dan mengemaskini <i>MyPortfolio</i> RISDA dan Prosedur Operasi Standard SMR bagi memastikan tatacara sentiasa terkini dan menepati peraturan semasa.	i. BP ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2019-2023)
			1.1.10.4	Mempertingkatkan kefahaman dan pengetahuan dengan mengadakan penerangan berkenaan dengan <i>MyPortfolio</i> RISDA dan SOP SMR.	i. BP ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2019-2023)
			1.1.10.5	Mengkaji dan menambahbaik kaedah untuk meningkatkan kesedaran pegawai terhadap Arahan Ketua Pengarah/Arahan Pentadbiran/Surat Pekeliling Bahagian/Prosedur Operasi Standard/Garis Panduan/Arahan Dalaman yang dikeluarkan.	i. BP ii. BPPS iii. RHSB	Jan 2020 - Mac 2020
			1.1.10.6	Mendapatkan pensijilan sistem pengurusan kualiti <i>Malaysian Standard International Organization for Standardization</i> (MS ISO) dalam bidang teras perkhidmatan.	i. BP ii. BTSP iii. BBIP iv. BPU	Jan 2020 - Dis 2021

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Merekayasa Perkhidmatan Ke Arah Tadbir Urus Baik.

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA
11.	Kegagalan dan kelewatan dalam melaporkan kes-kes pelanggaran tata tertib.	1. Ketua Pusat Tanggungjawab/ Ketua Cawangan kurang pengetahuan cara penyediaan laporan tata tertib yang berkualiti. 2. Garis panduan pengurusan tata tertib yang lapuk. 3. Wujud <i>Conflict of Interest</i> di antara kepentingan jabatan dan peribadi.	1.1.11.1	Memperkuhkan kemahiran melalui latihan pemahaman peraturan tatakelakuan dan penyediaan laporan tindakan tata tertib kepada pegawai bertanggungjawab.	i. BL ii. BPKP	Setiap tahun sekali (2019-2023)
			1.1.11.2	Menyemak semula dan menambahbaik garis panduan penyediaan laporan tindakan tata tertib.	i. BPKP	Dis 2019 - Jun 2020
			1.1.11.3	Menyemak semula dan menambahbaik garis panduan pengurusan tata tertib SMR.	i. BPPS ii. RHSB	Dis 2019 - Jun 2020
			1.1.11.4	Memperkuhkan kemahiran melalui latihan pemahaman garis panduan tata tertib SMR, undang-undang buruh dan lain-lain yang berkaitan kepada pegawai bertanggungjawab.	i. BPPS ii. RHSB	Setiap tahun sekali (2020-2023)
			1.1.11.5	Mengenakan tindakan tata tertib kepada penyelia/Ketua Pusat Tanggungjawab yang berkenaan.	i. BPKP ii. BPPS iii. RHSB	Berdasarkan kes

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Merekayasa Perkhidmatan Ke Arah Tadbir Urus Baik.


BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA
12.	Kelemahan dan kurang ketelusan dalam pengurusan aduan.	1. Wujud <i>Conflict of Interest</i> di antara kepentingan jabatan dan peribadi. 2. Garis panduan pengurusan aduan yang tidak jelas. 3. Tiada jawatankuasa bagi memutuskan tindakan lanjut terhadap sesuatu aduan.	1.1.12.1	Mewajibkan pegawai bertanggungjawab menandatangani Surat Akuan Akujanji <i>Integrity Pact</i> berkaitan konflik kepentingan dan kerahsiaan.	i. BPKP ii. BPPS iii. RHSB	Berdasarkan kes
			1.1.12.2	Menyemak semula dan menambahbaik garis panduan pengurusan aduan dengan menubuhkan Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM) bagi memastikan semua aduan diambil tindakan secara teratur dan telus.	i. BPKP ii. BPPS iii. RHSB	Dis 2019 - Jun 2020
			1.1.12.3	Mewajibkan penggunaan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) di semua Pusat Tanggungjawab dan SMR.	i. BPKP ii. BPPS iii. RHSB	Dis 2019 - Mac 2020
			1.1.12.4	Memperkuhkan kemahiran melalui latihan penggunaan SISPAA kepada pegawai bertanggungjawab.	i. BL ii. BPKP iii. BPPS iv. RHSB	Setiap tahun sekali (2020-2023)
			1.1.12.5	Memantapkan Polisi Pemberian Maklumat atau <i>Whistleblowing Policy</i> .	i. BPKP ii. BPPS iii. RHSB	Jan 2020 - Mac 2020
			1.1.12.6	Melaksanakan hebahan kewujudan pelbagai medium penyaluran aduan.	i. BPKP ii. BPPS iii. RHSB	Dis 2019
			1.1.12.7	Memperkasakan kerangka pengurusan aduan berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh <i>Ombudsman Malaysia</i> (Biro Pengaduan Awam).	i. BPKP	Setiap tahun sekali (2019-2023)

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Merekayasa Perkhidmatan Ke Arah Tadbir Urus Baik.

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA
13.	Kelemahan dalam pengendalian siasatan.	1. Garis panduan siasatan tidak lengkap.	1.1.13.1	Mengkaji dan mewujudkan prosedur operasi standard dan garis panduan pengendalian siasatan yang bersesuaian.	i. BPKP ii. BIAD iii. BPPS iv. RHSB	Jan 2020 - Jun 2020
		2. Pegawai kurang kemahiran mengenai pengendalian siasatan.	1.1.13.2	Memperkuhkan kemahiran melalui latihan pengendalian siasatan kepada pegawai bertanggungjawab.	i. BL ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2020-2023)

PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH RISDA 2019-2023

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.2	Menggalakkan Merit dan Integriti Dalam Proses Pengambilan, Pemilihan dan Perlantikan Ke Mana-Mana Jawatan (Pemilihan dan Pengambilan).
JUMLAH RISIKO	4
JUMLAH INISIATIF	21



BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.2	Menggalakkan Merit dan Integriti Dalam Proses Pengambilan, Pemilihan dan Perlantikan Ke Mana-Mana Jawatan (Pemilihan dan Pengambilan)

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Kelemahan dan kurang ketelusan dalam proses pengambilan pegawai.	1. Wujud <i>Conflict of Interest</i> di antara kepentingan jabatan dan peribadi.	1.2.1.1	Mewajibkan Ahli Jawatankuasa Perjawatan dan Kenaikan Pangkat/Jawatankuasa Perjawatan dan Latihan serta Ahli Panel Temuduga menandatangani Surat Akuan Akujanji <i>Integrity Pact</i> berkaitan konflik kepentingan dan kerahsiaan.	i. BPSM ii. BPPS iii. RHSB	Dis 2019 - Mac 2020
		2. Garis panduan yang tidak komprehensif.	1.2.1.2	Mengkaji dan menambahbaik garis panduan serta mekanisme pengambilan pegawai bagi semua jawatan yang meliputi perkara-perkara berikut:- (a) Saringan awal i. Lulus Ujian Aptitud (Peperiksaan <i>Online</i>). ii. Lulus Ujian Penilaian Kompetensi (Aktiviti/ Ujian Fizikal/Psikometrik/ Bakat). iii. Lulus tapisan keselamatan (jika perlu). (b) Temuduga i. Mengkaji dan menambahbaik penggunaan teknologi dalam penyediaan Kertas Pemarkahan Panel. ii. Menyemak semula dan menetapkan wajaran pemberat yang bersesuaian. iii. Lulus Ujian Urin. (c) Memperteguh prinsip semak dan imbang melalui kajian dan semakan semula keahlian Jawatankuasa Perjawatan dan Kenaikan Pangkat/Jawatankuasa Perjawatan dan Latihan.	i. BPSM ii. BPPS iii. RHSB	Dis 2019 - Mac 2020
		3. Kaedah pengambilan tidak melalui proses penilaian yang menyeluruh.		1.2.1.3		
4. Pegawai berkhidmat terlalu lama di satu-satu unit/ pusat tanggungjawab/ cawangan/jabatan.						

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.2	Menggalakkan Merit dan Integriti Dalam Proses Pengambilan, Pemilihan dan Perlantikan Ke Mana-Mana Jawatan (Pemilihan dan Pengambilan)

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.			1.2.1.4	Memperkuhkan pengetahuan dan kemahiran melalui latihan pementapan kepada panel temuduga dan pegawai bertanggungjawab.	i. BL ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2020-2023)
			1.2.1.5	Menyemak dan menambahbaik terma rujukan perkhidmatan pegawai SMR.	i. BPSM ii. BPPS iii. RHSB	Jan 2020 - Mac 2020
			1.2.1.6	Menguatkuasa pusingan kerja secara mandatori kepada pegawai yang memegang jawatan sensitif dan bertanggungjawab berisiko tinggi.	i. BPSM ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2019-2023)
2.	Kelemahan dan kurang ketelusan dalam pelaksanaan urusan penempatan dan pertukaran pegawai.	1. Wujud <i>Conflict of Interest</i> di antara kepentingan jabatan dan peribadi. 2. Garis panduan Dasar Penempatan dan Pertukaran Pegawai yang tidak jelas.	1.2.2.1	Mewajibkan Ahli Jawatankuasa Penempatan dan Pertukaran/ Jawatankuasa Perjawatan dan Latihan menandatangani Surat Akujanji <i>Integrity Pact</i> konflik kepentingan dan kerahsiaan.	i. BPSM ii. BPPS iii. RHSB	Dis 2019 - Mac 2020
			1.2.2.2	Mengkaji dan menambahbaik Dasar Penempatan dan Pertukaran pegawai.	i. BPSM ii. BPPS iii. RHSB	Dis 2019 - Mac 2020
			1.2.2.3	Menguatkan mekanisme pelaksanaan dasar penempatan/ peminjaman/pertukaran pegawai yang menjawat jawatan strategik diputuskan oleh Jawatankuasa Penempatan dan Pertukaran (Pengaruh Bahagian, Pengarah RISDA Negeri, Timbalan Pengarah RISDA Negeri, Ketua Pegawai Eksekutif SMR, Ketua Jabatan Pengurusan Sumber Manusia SMR).	i. BPSM	Setiap 6 bulan sekali (2019-2023)
			1.2.2.4	Mengkaji dan menambahbaik mekanisme pengurusan pertukaran dengan mewujudkan sistem secara <i>online</i> .	i. BPSM ii. BPPS iii. RHSB iv. BTM	Dis 2019 - Dis 2020

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.2	Menggalakkan Merit dan Integriti Dalam Proses Pengambilan, Pemilihan dan Perlantikan Ke Mana-Mana Jawatan (Pemilihan dan Pengambilan)

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA
2.		3. Kaedah permohonan pertukaran yang lapuk. 4. Pegawai berkhidmat terlalu lama di unit/ pusat tanggungjawab/ cawangan/jabatan.	1.2.2.5	Menguatkuasa pusingan kerja secara mandatori kepada pegawai yang memegang jawatan sensitif dan tanggungjawab berisiko tinggi.	i. BPSM ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2019-2023)
3.	Kelemahan dan kurang ketelusan dalam proses kenaikan pangkat pegawai.	1. Wujud <i>Conflict of Interest</i> di antara kepentingan jabatan dan peribadi. 2. Kaedah kenaikan pangkat tidak melalui proses penilaian yang menyeluruh. 3. Pelan strategik sumber manusia yang lapuk. 4. Pegawai berkhidmat terlalu lama di unit/pusat tanggungjawab/ cawangan/jabatan.	1.2.3.1 1.2.3.2	Mewajibkan Ahli Jawatankuasa Perjawatan dan Kenaikan Pangkat/Jawatankuasa Perjawatan dan Latihan menandatangani Surat Akujanji <i>Integrity Pact</i> konflik kepentingan dan kerahsiaan. Mengkaji dan menambahbaik garis panduan kenaikan pangkat pegawai dengan menetapkan wajaran yang munasabah kepada perkara-perkara berikut :- i. Prestasi (LNPT) ii. Kekananan (<i>seniority</i>) iii. Sumbangan Luar iv. Kelayakan Profesional v. Kelayakan Akademik vi. Pengiktirafan vii. Memangku/Tanggung Kerja viii. Perakuan <i>Search Committee</i>	i. BPSM ii. BPPS iii. RHSB i. BPSM ii. BPPS iii. RHSB	Dis 2019 - Mac 2020 Dis 2019 - Mac 2020

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.2	Menggalakkan Merit dan Integriti Dalam Proses Pengambilan, Pemilihan dan Perlantikan Ke Mana-Mana Jawatan (Pemilihan dan Pengambilan).

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA
3.			1.2.3.3	Mengkaji dan menambahbaik pelan strategik bagi pengurusan bakat dan pelan penggantian pegawai yang berteraskan sahsiah, kompetensi, profesionalisme, jati diri, integriti dan kepimpinan yang utuh.	i. BPSM ii. BPPS iii. RHSB	Dis 2019 - Jun 2020
			1.2.3.4	Menguatkuasa pusingan kerja secara mandatori kepada pegawai yang memegang jawatan sensitif dan tanggungjawab berisiko tinggi.	i. BPSM ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2019-2023)
			1.2.3.5	Memperteguh prinsip semak dan imbang melalui kajian dan semakan semula keahlian Jawatankuasa Perjawatan dan Kenaikan Pangkat/Jawatankuasa Perjawatan dan Latihan.	i. BPSM ii. BPPS iii. RHSB	Dis 2019 - Mac 2020
			1.2.3.6	Memperkasakan kerangka pengurusan bakat dan pelan penggantian berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.	i. BPSM ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2020-2023)

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.2	Menggalakkan Merit dan Integriti Dalam Proses Pengambilan, Pemilihan dan Perlantikan Ke Mana-Mana Jawatan (Pemilihan dan Pengambilan).

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA
4.	Kelemahan dan kurang kemahiran pegawai berhubung pengurusan kewangan menyebabkan tahap keterhutangan kewangan yang serius.	1. Kurang pengetahuan pengurusan kewangan. 2. Sikap suka berhutang. 3. Gaya hidup mewah.	1.2.4.1	Memperkukuhkan kemahiran melalui latihan pengurusan kewangan berhemah dan bijak kepada semua pegawai.	i. BL ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2020-2023)
			1.2.4.2	Memperkenalkan mekanisme sistem pengesanan di peringkat awal kepada pegawai yang jumlah pendapatan bersih kurang 40 peratus daripada gaji bulanan.	i. BKB ii. BPSM iii. BPPS iv. RHSB	Dis 2019 - Jun 2020
			1.2.4.3	Menyemak dan menambahbaik mekanisme pengesanan permohonan pinjaman pegawai dengan menetapkan kuasa pengesanan hanya kepada penyelia yang ditetapkan.	i. BPSM ii. BPPS iii. RHSB	Dis 2019 - Mac 2020
			1.2.4.4	Memperkenalkan program <i>SMART</i> kaunseling pengurusan kewangan bagi pegawai yang bermasalah.	i. BPSM ii. BL iii. BPPS iv. RHSB	Setiap tahun sekali (2020-2023)



BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.3	Menambahbaik Keberkesanan Pendidikan Dan Pembangunan Profesional Berterusan Dalam Kalangan Pegawai Melalui Program Berdasarkan Kepada <i>Human Governance</i> .
JUMLAH RISIKO	2
JUMLAH INISIATIF	12

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.3	Menambahbaik Keberkesanan Pendidikan Dan Pembangunan Profesional Berterusan Dalam Kalangan Pegawai Melalui Program Berdasarkan Kepada <i>Human Governance</i> .

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Pelaksanaan latihan yang kurang berkesan dan tidak mencapai sepenuhnya matlamat yang ditetapkan.	1. Wujud <i>Conflict of Interest</i> di antara kepentingan jabatan dan peribadi. 2. Pemilihan peserta yang tidak menepati kriteria. 3. Pemilihan penyedia latihan yang tidak kompeten. 4. Pegawai tidak menghadiri latihan. 5. Pelan strategik latihan sumber manusia yang lapuk.	1.3.1.1	Mengkaji dan menambahbaik pelan strategik latihan sumber manusia yang berteraskan sahshiah, kompetensi, profesionalisme, jati diri, integriti dan kepimpinan yang utuh.	i. BL ii. BPPS iii. RHSB	Jan 2020 - Sept 2020
			1.3.1.2	Memperteguh prinsip semak dan imbang melalui kajian dan semakan semula keahlian Jawatankuasa Pemilihan Pembekal.	i. BL	Dis 2019 - Mac 2020
			1.3.1.3	Mewajibkan Ahli Jawatankuasa Pemilihan Pembekal menandatangani Surat Akuan Akujanji <i>Integrity Pact</i> berkaitan konflik kepentingan dan kerahsiaan.	i. BL ii. BPPS iii. RHSB	Dis 2019 - Mac 2020
			1.3.1.4	Mengkaji dan menambahbaik keberkesanan pengurusan latihan yang merangkumi permohonan, kelulusan, pemilihan peserta dan penilaian prestasi perkhidmatan penyedia latihan melalui sistem e-Latihan.	i. BL ii. BTM iii. BPPS iv. RHSB	Dis 2019 - Sept 2021
			1.3.1.5	Mengkaji dan menambahbaik mekanisme pelaksanaan <i>Training Need Analysis</i> (TNA).	i. BL ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2020-2023)
			1.3.1.6	Mengenakan tindakan tatatertib kepada pegawai yang gagal menghadiri kursus tanpa sebab yang munasabah.	i. BL ii. Ketua Pusat Tanggungjawab iii. BPPS iv. RHSB	Berdasarkan kes
			1.3.2.1	Memastikan penyediaan bajet tahunan untuk pelaksanaan program-program pengukuhan governans, integriti, antirasuah, tadbir urus insan dan psikologi .	i. BKB ii. BL iii. BPKP iv. BPSM v. BPPS vi. RHSB	Setiap tahun sekali (2020-2023)

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN
STRATEGI 1	Memperkuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan.
OBJEKTIF STRATEGIK 1.3	Menambahbaik Keberkesanan Pendidikan Dan Pembangunan Profesional Berterusan Dalam Kalangan Pegawai Melalui Program Berdasarkan Kepada <i>Human Governance</i> .

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA
			1.3.2.2	Melaksanakan program-program pengukuhan nilai governans, integriti, antirasuah, tadbir urus insan dan psikologi.	i. BL ii. BPKP iii. BPSM iv. BPPS v. RHSB	Setiap tahun (2019-2023)
			1.3.2.3	Menyebarkan informasi-informasi berkaitan integriti, governans dan antirasuah melalui media elektronik dan media cetak.	i. BPKP ii. BPPS iii. RHSB	Setiap bulan sekali (2019-2023)
			1.3.2.4	Mengadakan sambutan Hari Integriti RISDA di peringkat kebangsaan.	i. BPKP ii. BL	Suku tahun ke-4 setiap tahun (2019-2023)
			1.3.2.5	Melaksanakan Standard Pengurusan Amalan Nilai (SPAN) untuk mengukur dan menganalisis nilai baik dalam organisasi.	i. BPKP ii. BDPS	Setiap tahun sekali (2020-2023)
			1.3.2.6	Memperkuhkan kemahiran dan pengetahuan melalui latihan berterusan bidang pengukuhan governans, integriti, antirasuah, tadbir urus insan dan psikologi kepada pegawai bertanggungjawab.	i. BL ii. BPKP iii. BPPS iv. RHSB	Setiap tahun sekali (2019-2023)



BIDANG KEUTAMAAN	TADBIR URUS KORPORAT
STRATEGI 2	Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Entiti.
OBJEKTIF STRATEGIK 2.1	Memastikan Pengamalan Ketelusan Oleh Pihak Yang Mengawal Entiti.
OBJEKTIF STRATEGIK 2.2	Memastikan Daya Tahan Terhadap Ancaman Rasuah Di RISDA dan SMR.

BIDANG KEUTAMAAN	TADBIR URUS KORPORAT
STRATEGI 2	Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Entiti.
OBJEKTIF STRATEGIK 2.1	Memastikan Pengamalan Ketelusan Oleh Pihak Yang Mengawal Entiti.
JUMLAH RISIKO	1
JUMLAH INISIATIF	6

BIDANG KEUTAMAAN	TADBIR URUS KORPORAT
STRATEGI 2	Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Entiti.
OBJEKTIF STRATEGIK 2.1	Memastikan Pengamalan Ketelusan Oleh Pihak Yang Mengawal Entiti.

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Campur tangan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) RISDA dan SMR dalam pentadbiran organisasi.	1. Tiada Piagam ALP RISDA dan SMR (<i>Board Charter</i>). 2. Wujud <i>Conflict of Interest</i> di antara kepentingan jabatan/ syarikat dan peribadi. 3. ALP kurang memahami tanggungjawab.	2.1.1.1	Membangun dan mewujudkan Piagam ALP (<i>Board Charter</i>) yang komprehensif dan bersesuaian berdasarkan: <ul style="list-style-type: none"> i. <i>Malaysia Code on Corporate Governance (MCCG 2017)</i>. ii. Panduan <i>Putrajaya Committee on High Performance GLC (Green Book) - Enhancing Board Effectiveness</i>. iii. Garis Panduan ALP Lantikan Menteri Kewangan. iv. Garis panduan lain yang bersesuaian. 	i. BPKP ii. BPPS iii. RHSB	Dis 2019 - Jun 2020
			2.1.1.2	Mewajibkan semua ALP menandatangani <i>Integrity Pledge</i> .	i. BPKP ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2020-2023)
			2.1.1.3	Memperkenalkan Arahan Pengerusi RISDA kepada semua ALP RISDA dan SMR berkenaan larangan mencampuri urusan pentadbiran RISDA dan SMR.	i. BPKP ii. BPPS iii. RHSB	Jan 2020 - Mac 2020
			2.1.1.4	Memperkasakan kerangka bidang kuasa dan perisytiharan konflik kepentingan oleh ALP RISDA dan SMR berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.	i. BPKP ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2019-2023)
			2.1.1.5	Mempertingkatkan keberkesanan ALP RISDA dan SMR dengan mengadakan latihan dan penerangan berkenaan peranan, tanggungjawab dan bidang kuasa ALP RISDA dan SMR.	i. BPKP ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2020-2023)
			2.1.1.6	Mengkaji dan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang bersesuaian dalam <i>Corporate Integrity Pledge (CIP)</i> .	i. BPPS ii. RHSB	Dis 2019 - Dis 2020

BIDANG KEUTAMAAN	TADBIR URUS KORPORAT
STRATEGI 2	Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Entiti.
OBJEKTIF STRATEGIK 2.2	Memastikan Daya Tahan Terhadap Ancaman Rasuah Di RISDA dan SMR.

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Kelemahan kawalan ke atas pengurusan dana RISDA yang dipindah urus ke SMR.	1. Garis panduan yang tidak lengkap berkaitan pengurusan dana. 2. Tiada auditan ke atas pengurusan dana. 3. Pegawai tidak berintegriti.	2.2.1.1	Mengkaji dan menambahbaik mekanisme kawalan melalui semakan semula garis panduan pengurusan dana.	i. BKB ii. BTSP iii. BBIP iv. BPPS v. RHSB	Dis 2019 - Jun 2020
			2.2.1.2	Menyemak semula dan menambahbaik perjanjian pindah urus dana di antara RISDA dan SMR bagi memastikan kepentingan RISDA dan SMR terpelihara.	i. BPKP ii. BKB iii. BTSP iv. BBIP v. BPPS vi. RHSB	Dis 2019 - Jun 2020
			2.2.1.3	Melaksanakan pengauditan perakaunan ke atas dana yang dipindah urus ke SMR.	i. BIAD ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2020-2023)
			2.2.1.4	Memperkasakan kerangka pengurusan dana berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.	i. BKB ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2019-2023)
			2.2.1.5	Menguatkuasa pusingan kerja secara mandatori kepada pegawai yang memegang jawatan sensitif dan bertanggungjawab berisiko tinggi.	i. BPSM ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2019-2023)
			2.2.1.6	Mengenakan tindakan tatatertib kepada pelaku dan melaporkan kepada pihak berkuasa berkaitan jika perlu.	i. Ketua Pusat Tanggungjawab ii. BPPS iii. RHSB	Berdasarkan kes
2.	Kelemahan pengurusan ladang RISDA dan pekebun kecil (TSB/TSK) yang menyebabkan penyelewengan dan ketirisan hasil.	1. Pegawai tidak berintegriti. 2. Garis Panduan Pengurusan Ladang RISDA dan pekebun kecil yang lapuk. 3. Pegawai tidak kompeten.	2.2.2.1	Memupuk kesedaran pegawai dengan mewajibkan perkongsian slot integriti, governans dan antirasuah dalam latihan pengurusan ladang.	i. BPPS ii. RHSB iii. BTSP iv. BBIP v. BL vi. BPK	Setiap tahun (2019-2023)
			2.2.2.2	Memperkenalkan mekanisme pengurusan ladang yang efektif dan efisien melalui semakan semula dan penambahbaikan Garis Panduan Pengurusan Ladang RISDA dan pekebun kecil (TSB/TSK).	i. BTSP ii. BBIP iii. BL iv. BPK v. BPPS vi. RHSB	Dis 2019 - Jun 2020

BIDANG KEUTAMAAN	TADBIR URUS KORPORAT
STRATEGI 2	Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Entiti.
OBJEKTIF STRATEGIK 2.2	Memastikan Daya Tahan Terhadap Ancaman Rasuah Di RISDA dan SMR.

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA
		4. Tiada auditan prestasi dan kewangan. 5. Perjanjian Pengurusan Ladang yang lapuk.		Memperkuhkan kemahiran melalui latihan pengurusan ladang kepada pegawai bertanggungjawab.	i. BL ii. BTSP iii. BBIP iv. BPK v. BPPS vi. RHSB	Setiap tahun sekali (2020-2023)
				Menyemak semula dan menambahbaik perjanjian pengurusan ladang di antara RISDA, SMR dan pekebun kecil bagi memastikan kepentingan RISDA, SMR dan pekebun kecil terpelihara dan menguntungkan semua pihak.	i. BPKP ii. BTSP iii. BBIP iv. BBIP v. BL vi. BPPS vii. RHSB	Dis 2019 - Jun 2020
				Memastikan pelaksanaan pengauditan prestasi dan kewangan ke atas pengurusan ladang.	i. BIAD ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2020-2023)
				Memperkuhkan mekanisme semakan dan pemantauan pengurusan ladang melalui penempatan <i>Visiting Agent</i> dan lain-lain kaedah yang efektif.	i. BTSP ii. BPPS iii. RHSB	Dis 2019 - Jun 2020
				Mengenakan tindakan tatatertib kepada pelaku dan melaporkan kepada pihak berkuasa berkaitan jika perlu.	i. Ketua Pusat Tanggungjawab ii. BPPS iii. RHSB	Berdasarkan kes
			3.	Pemalsuan maklumat penjualan Buah Tandan Segar (BTS) dari ladang ke pusat jualan/kilang oleh pegawai syarikat.	1. Pegawai tidak berintegriti. 2. Mekanisme pemantauan yang lemah dan kurang efektif di peringkat pengurusan ladang. 3. Penggunaan teknologi ICT yang rendah.	2.2.3.1

BIDANG KEUTAMAAN	TADBIR URUS KORPORAT
STRATEGI 2	Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Entiti.
OBJEKTIF STRATEGIK 2.2	Memastikan Daya Tahan Terhadap Ancaman Rasuah Di RISDA dan SMR.

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA
		4. Garis Panduan pengurusan hasil ladang lapuk.	2.2.3.2	Meningkatkan keberkesanan pemantauan dengan melaksanakan kajian penggunaan teknologi yang bersesuaian bagi pengeluaran dan pengangkutan hasil ladang. e.g <i>Global Positioning System (GPS)</i> ke atas kenderaan yang mengangkut BTS di peringkat ladang ke pusat jualan/kilang.	i. BPPS ii. RHSB iii. BTSP	Dis 2019 - Jun 2020
			2.2.3.3	Mengenakan tindakan tatatertib kepada pelaku dan melaporkan kepada pihak berkuasa berkaitan jika perlu.	i. BPPS ii. RHSB	Berdasarkan kes
4.	Kelemahan dalam melaksanakan penilaian dan kajian daya maju projek.	1. Ahli Jawatankuasa Pelaburan tidak kompeten dan kurang kepakaran.	2.2.4.1	Memperkukuhkan pengetahuan dan kemahiran melalui latihan pembangunan kompetensi kepada Ahli Jawatankuasa Pelaburan dan pegawai bertanggungjawab.	i. BL ii. BPPS iii. RHSB	Sekali setiap tahun (2020-2023)
		2. Ahli Jawatankuasa Pelaburan tidak diberi masa yang mencukupi untuk membuat penilaian.	2.2.4.2	Mengkaji dan menambahbaik terma rujukan Jawatankuasa Pelaburan RISDA dan SMR.	i. BPPS ii. RHSB	Dis 2019 - Mac 2020
		3. Garis panduan yang tidak lengkap berkaitan pelaburan.	2.2.4.3	Mengkaji dan menambahbaik garis panduan pelaburan berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi bagi memastikan pulangan yang maksimum dan menguntungkan.	i. BPPS ii. RHSB	Setiap tahun (2020-2023)
		4. Pegawai tidak kompeten.	2.2.4.4	Mengkaji untuk mewujudkan mekanisme yang bersesuaian bagi meningkatkan kecekapan pengurusan risiko di RISDA dan SMR.	i. BPPS ii. RHSB	Dis 2019 - Jun 2020
		5. Tekanan daripada pihak berkepentingan.	2.2.4.5	Mewajibkan Ahli Jawatankuasa Pelaburan RISDA dan SMR menandatangani Surat Akuan Akujanji <i>Integrity Pact</i> berkaitan konflik kepentingan dan kerahsiaan.	i. BPPS ii. RHSB	Dis 2019 - Jun 2020
5.	Kelemahan proses kelulusan <i>Corporate Social Responsibility (CSR)</i> RISDA dan SMR.	1. Garis Panduan yang tidak jelas berkenaan penggunaan sumbangan CSR.	2.2.5.1	Menyemak semula dan menambahbaik Garis Panduan Sumbangan CSR RISDA dan SMR.	i. BPKP ii. BTSP iii. BPPS iv. RHSB	Dis 2019 - Jun 2020

BIDANG KEUTAMAAN	TADBIR URUS KORPORAT
STRATEGI 2	Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Entiti.
OBJEKTIF STRATEGIK 2.2	Memastikan Daya Tahan Terhadap Ancaman Rasuah Di RISDA dan SMR.

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA
		2. Tiada jawatankuasa ditubuhkan bagi menilai dan meluluskan permohonan sumbangan CSR.	2.2.5.2	Memperteguh prinsip semak dan imbang melalui kajian dan semakan semula melalui penubuhan Jawatankuasa Penilaian dan Kelulusan CSR di RISDA dan SMR.	i. BPKP ii. BPPS iii. RHSB	Dis 2019 - Jun 2020
		3. Wujud <i>Conflict of Interest</i> di antara kepentingan jabatan/syarikat dan peribadi.	2.2.5.3	Mewajibkan Ahli Jawatankuasa Penilaian dan Kelulusan CSR RISDA dan SMR menandatangani Surat Akuan Akujanji <i>Integrity Pact</i> berkaitan konflik kepentingan dan kerahsiaan.	i. BPKP ii. BPPS iii. RHSB	Dis 2019 - Jun 2020
6.	Kelemahan dan kekurangan fokus dalam pelaksanaan fungsi pemerikasaan integriti, tadbir urus dan antirasuah.	1. Kekurangan pegawai di Unit Integriti BPKP.	2.2.6.1	Mengkaji dan menambahbaik mekanisme untuk membincangkan agenda pengukuhan integriti, governans dan antirasuah secara berkala melalui penubuhan Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah SMR.	i. BPPS ii. RHSB	Dis 2019 - Mac 2020
		2. Fungsi Unit Tadbir Urus BPPS yang terhad.	2.2.6.2	Mengkaji dan menambahbaik peruntukan jawatan dan struktur Unit Integriti (UI) BPKP, Unit Tadbir Urus BPPS dan <i>Integrity Governance Unit</i> (IGU) SMR berdasarkan garis panduan yang ditetapkan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.	i. BPSM ii. BPPS iii. RHSB iv. BPKP	Dis 2019 - Mac 2020
		3. IGU SMR yang baru, kurang pendedahan dan latihan.	2.2.6.3	Memastikan perlantikan Ketua Unit Integriti (KUI)/Pegawai Integriti/ <i>Chief Integrity Governance Unit Officer (CIGO)/ Integrity Governance Officer (IGO)</i> memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Garis Panduan UI/IGU Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.	i. BPSM ii. BPPS iii. RHSB iv. BPKP	Dis 2019 - Dis 2023
		4. Pegawai tidak kompeten	2.2.6.4	Meningkatkan kesedaran dan kefahaman warga organisasi terhadap Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 melalui latihan dan penerangan.	i. BL ii. BPPS iii. RHSB iv. BPKP	Setiap tahun sekali (2019-2023)
		5. Tiada agenda khusus integriti dibincangkan di peringkat ALP dan pengurusan.	2.2.6.5	Memperkukuhkan kemahiran dan pengetahuan melalui latihan berterusan bidang pengukuhan integriti, governans dan antirasuah kepada pegawai bertanggungjawab.	i. BL ii. BPPS iii. RHSB iv. BPKP	Setiap tahun sekali (2019-2023)



BIDANG KEUTAMAAN	PEROLEHAN
STRATEGI 3	Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan.
OBJEKTIF STRATEGIK 3.1	Memperkuh Kerangka Perolehan.
OBJEKTIF STRATEGIK 3.2	Meningkatkan Ketelusan Perolehan, Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran dan Antipersaingan.

BIDANG KEUTAMAAN	PEROLEHAN
STRATEGI 3	Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan.
OBJEKTIF STRATEGIK 3.1	Memperkuh Kerangka Perolehan.
JUMLAH RISIKO	1
JUMLAH INISIATIF	2

BIDANG KEUTAMAAN	PEROLEHAN
STRATEGI 3	Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan.
OBJEKTIF STRATEGIK 3.1	Memperkuh Kerangka Perolehan.

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Kelemahan kerangka perolehan yang tidak komprehensif dan sistem pengurusan perolehan yang tidak efisien.	1. Kelemahan dasar perolehan berkaitan konflik kepentingan, penggunaan sumber awam, kepentingan negara dan hak-hak pihak terlibat. 2. Pandangan agensi teknikal tidak dianggap sebagai mandatori. 3. <i>Integrity Pact</i> sedia ada lapuk. 4. Sistem Pemantauan Projek II yang tidak efektif.	3.1.1.1	Memperkasakan kerangka garis panduan perolehan RISDA dan SMR berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.	i. BKB ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2019-2023)
			3.1.1.2	Memantapkan terma rujukan, fungsi, peranan dan prosedur operasi standard Jawatankuasa Perolehan RISDA dan SMR.	i. BKB ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2019-2023)

BIDANG KEUTAMAAN	PEROLEHAN
STRATEGI 3	Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan.
OBJEKTIF STRATEGIK 3.2	Meningkatkan Ketelusan Perolehan, Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran dan Antipersaingan.
JUMLAH RISIKO	1
JUMLAH INISIATIF	7

BIDANG KEUTAMAAN	PEROLEHAN
STRATEGI 3	Mempertingkat Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan.
OBJEKTIF STRATEGIK 3.2	Meningkatkan Ketelusan Perolehan, Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran dan Antipersaingan.

BIL.	RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	PUNCA RISIKO	NO.	INISIATIF	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Melakukan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam proses perolehan.	1. Wujud <i>Conflict of Interest</i> di antara kepentingan jabatan dan peribadi.	3.2.1.1	Memastikan Ahli Jawatankuasa Perolehan RISDA dan SMR menandatangani Surat Akuan Akujanji <i>Integrity Pact</i> berkaitan konflik kepentingan, antirasuah dan kerahsiaan.	i. BKB ii. BPPS iii. RHSB	Dis 2019 - Mac 2020
		2. Rasuah.	3.2.1.2	Mengenakan tindakan tatatertib kepada pelaku dan melaporkan kepada pihak berkuasa berkaitan jika perlu.	i. Ketua Pusat Tanggungjawab ii. BPPS iii. RHSB	Berdasarkan kes
		3. Pegawai tidak kompeten.	3.2.1.3	Memperkuuhkan pengetahuan dan kemahiran melalui latihan tatabara perolehan kepada pegawai bertanggungjawab.	i. BL ii. BKB iii. BPPS iv. RHSB	Sekali setiap tahun (2019-2023)
		4. Auditan perolehan kurang diberi penekanan.	3.2.1.4	Memastikan pelaksanaan pengauditan pematuhan perolehan.	i. BIAD ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2020-2023)
		5. Pegawai tidak berintegriti.	3.2.1.5	Memupuk kesedaran pegawai dengan mewajibkan perkongsian slot integriti, governans dan antirasuah dalam latihan pengurusan perolehan.	i. BL ii. BKB iii. BPPS iv. RHSB	Setiap tahun (2019-2023)
		6. Pegawai berkhidmat terlalu lama di unit/pusat tanggungjawab/cawangan/jabatan.	3.2.1.6	Menguatkuasa pusingan kerja secara mandatori kepada pegawai yang memegang jawatan sensitif dan tanggungjawab berisiko tinggi.	i. BPSM ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2019-2023)
			3.2.1.7	Melaksanakan kawalan dalaman berdasarkan arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.	i. BKB ii. BPPS iii. RHSB	Setiap tahun sekali (2019-2023)



BAB 4

TADBIR URUS



TERAS PENGURUSAN ANTIRASUAH RISDA

TERAS 1: KOMITMEN DAN SOKONGAN PENGURUSAN TERTINGGI RISDA TERHADAP PELAKSANAAN INISIATIF ANTIRASUAH

Pengurusan Tertinggi RISDA bertanggungjawab untuk memainkan peranan penting bagi memastikan organisasi sentiasa mengamalkan budaya integriti, tadbir urus baik dan etika kerja unggul serta sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan sedia ada bagi membendung sebarang kelakuan jenayah rasuah dan salah guna kuasa. Pengurusan Tertinggi bertanggungjawab untuk memastikan risiko rasuah dalam organisasi diuruskan secara sistematik dan berkesan.

Pengurusan Tertinggi perlu memberi jaminan kepada semua pemegang taruh bahawa setiap operasi dan pelaksanaan fungsi oleh RISDA dan SMR adalah sentiasa mematuhi undang-undang dan dasar-dasar kerajaan mahupun organisasi serta peraturan yang telah sedia ada wujud dalam organisasi. Hal ini juga termasuk menunjukkan teladan yang baik serta memberikan sokongan penuh terhadap tindakan yang diambil kepada mana-mana pegawai organisasi yang melakukan salah laku dalam sebarang aktiviti semasa melaksanakan operasi penyampaian perkhidmatan organisasi termasuk kesalahan rasuah dan salah guna kuasa.

Bagi tujuan tersebut, RISDA dan SMR akan melaksanakan aspek-aspek berikut dalam pengurusan antirasuah organisasi:

1. Melaksanakan penilaian secara berkala bagi semua program pematuhan berkaitan antirasuah termasuklah objektif dan dasar yang mencukupi bagi menangani risiko rasuah;
2. Menggalakkan dan menghebahkan pembudayaan integriti dan tadbir urus baik dalam organisasi;

3. Mengeluarkan dasar, arahan, polisi dan peraturan dalaman berkaitan pengukuhan integriti, governans dan antirasuah dan mewara-warakan kepada warga organisasi dan pihak luar;
4. Memberi sokongan penuh terhadap penggunaan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) yang dibangunkan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA) sebagai medium utama pengurusan aduan di RISDA dan SMR serta Polisi Pemberian Maklumat bagi melaporkan sebarang salah laku dan jenayah rasuah yang melibatkan pegawai organisasi; dan,
5. Memastikan hasil laporan siasatan, auditan, penilaian risiko, langkah kawalan dan prestasi dilaporkan kepada Pengurusan Tertinggi.



TERAS 2: MELAKSANAKAN PENILAIAN RISIKO RASUAH SECARA BERTERUSAN

Dalam membanteras masalah rasuah di organisasi, RISDA telah melaksanakan *Corruption Risk Management* (CRM) bagi mengenal pasti risiko-risiko yang berkemungkinan menyebabkan rasuah berlaku dalam organisasi. RISDA akan meneruskan pelaksanaan penilaian risiko rasuah secara konsisten dan berkala sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam peraturan, dasar dan garis panduan yang dikeluarkan oleh organisasi. RISDA akan menjadikan hasil penilaian risiko tersebut sebagai asas untuk mewujudkan proses, sistem dan kawalan bagi mengurangkan dan mengawal risiko berlakunya rasuah.

TERAS 3: MEMPERKASAKAN KAWALAN DALAMAN

RISDA dan SMR akan memberi komitmen penuh dan memperkasakan kawalan dalaman bagi menangani sebarang risiko rasuah yang berbangkit daripada kelemahan dalam rangka kerja tadbir urus, proses dan prosedur.

TERAS 4: MELAKSANAKAN PEMANTAUAN DAN PENILAIAN BAGI PENCAPAIAN PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI ORGANISASI

RISDA dan SMR akan melaksanakan pemantauan dan penilaian secara konsisten terhadap pelaksanaan, pencapaian dan keberkesanan program pengukuhan integriti yang dilaksanakan oleh organisasi. Hasil dapatan penilaian dan pemantauan boleh dijadikan sebagai panduan kepada organisasi untuk merancang dan merangka inisiatif-inisiatif baru untuk membanteras gejala rasuah dan salah guna kuasa di organisasi.

TERAS 5: MERANCANG DAN MEMBANGUNKAN LATIHAN BERKAITAN PENGUKUHAN INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH

RISDA dan SMR akan merancang pelaksanaan program-program latihan berkaitan pengukuhan integriti, governans dan antirasuah yang bersesuaian di organisasi.

MEKANISME PELAKSANAAN

Bagi memastikan setiap inisiatif yang digariskan dalam RACP 2019-2023 berjaya dilaksanakan, RISDA pada 1 Mei 2019 telah menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan OACP RISDA berdasarkan Arahan YAB Perdana Menteri. No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 - Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia.

Struktur organisasi RISDA mengandungi empat peringkat:

1. Pihak Berkuasa RISDA
2. Pengurusan Ibu Pejabat
3. Pengurusan Negeri
4. Pengurusan Daerah/Jajahan/Bahagian

Struktur organisasi SMR mengandungi empat peringkat:

1. Lembaga Pengarah Syarikat
2. Pengurusan Ibu Pejabat
3. Pengurusan Negeri
4. Pengurusan Cawangan

Keempat-empat peringkat ini akan memberi tumpuan kepada tugas-tugas berikut iaitu pengabsahan dasar dan penyelesaian, penilaian risiko rasuah, pelaksanaan program dan aktiviti serta pemantauan dan penilaian prestasi. Butiran struktur adalah seperti berikut:



STRUKTUR TADBIR URUS RISDA ANTI-CORRUPTION PLAN (RACP) 2019-2023

Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) sebagai urus setia.	Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.	<ul style="list-style-type: none"> • Menerima laporan pemantauan dan penilaian tahunan NACP daripada GIACC. • Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan nasional. • Mengenal pasti penyelesaian terbaik.
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai urus setia.	Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Peringkat Kebangsaan Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara.	<ul style="list-style-type: none"> • Mengesyorkan dasar. • Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan organisasi dan agensi.
Unit Integriti Kementerian sebagai urus setia.	Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Peringkat Kementerian Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian.	<ul style="list-style-type: none"> • Memaklumkan keputusan atau dasar yang berkaitan antirasuah dalam Mesyuarat Pasca Kabinet. • Mengesyorkan dasar. • Membuat keputusan selari dengan kepentingan organisasi dan agensi. • Mengenal pasti penyelesaian terbaik.
Unit Integriti RISDA sebagai urus setia.	Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Peringkat RISDA Dipengerusikan oleh Ketua Pengarah RISDA.	<ul style="list-style-type: none"> • Memaklumkan keputusan atau dasar yang berkaitan antirasuah dalam Mesyuarat Pasca Kabinet. • Mengesyorkan dasar. • Membuat keputusan selari dengan kepentingan organisasi dan agensi. • Mengenal pasti penyelesaian terbaik.
Integrity Governance Unit RHSB sebagai urus setia.	Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Peringkat SMR Dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif RHSB.	<ul style="list-style-type: none"> • Memaklumkan keputusan atau dasar yang berkaitan antirasuah dalam Mesyuarat JAR RISDA. • Mengesyorkan dasar. • Membuat keputusan selari dengan kepentingan organisasi dan agensi. • Mengenal pasti penyelesaian terbaik.

KERANGKA PELAKSANAAN RACP

Pelaksanaan RACP merangkumi tiga peringkat yang terdiri daripada peringkat Nasional, Kementerian dan RISDA. Peringkat-peringkat ini saling berkaitan dan memainkan peranan penting dalam menyokong pelaksanaan, pelaporan dan semakan pencapaian bagi inisiatif yang digariskan dalam pelan ini. Saling kaitan ini membantu dalam memastikan persefahaman bersama, pembentukan dasar yang mampan, komitmen terhadap perkongsian sumber dan pelaksanaan yang teratur.

Secara keseluruhan, kerangka pelaksanaan RACP ini akan mempermudah pelaksanaan strategi dan inisiatif antirasuah di RISDA dan SMR. Ringkasan kerangka RACP adalah seperti berikut:


PERINGKAT NASIONAL	PERINGKAT KEMENTERIAN	PERINGKAT RISDA
Kerjasama antara Kerajaan Malaysia dengan kementerian/jabatan/agensi.	Kerjasama antara kementerian/jabatan/agensi.	Kerjasama antara RISDA/ SMR.
Inisiatif NACP	Inisiatif OACP kementerian	Inisiatif RACP 2019-2023
<ul style="list-style-type: none"> Semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan. Sektor swasta, SOE, Badan Berkanun dan CLBG. NGO. Masyarakat sivil. 	<ul style="list-style-type: none"> Seluruh warga kementerian, jabatan dan agensi kerajaan. Sektor swasta, SOE, Badan Berkanun dan CLBG. NGO. Masyarakat sivil. 	<ul style="list-style-type: none"> Seluruh warga RISDA dan SMR. NGO. Masyarakat sivil.

MEKANISME PENYELARASAN, KOORDINASI PEMANTAUAN DAN PENILAIAN RACP


Pemantauan dan penilaian adalah sangat penting dalam kejayaan sesuatu perancangan. Merujuk kepada Panduan Mengenai Dasar Antirasuah oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), proses pemantauan akan menyediakan maklumat mustahak dalam membantu organisasi untuk meneroka strategi baharu serta menambahbaik strategi sedia ada mengikut keperluan organisasi. Dalam mengenal pasti perkembangan dan prestasi pelaksanaan setiap strategi dan inisiatif, semua aktiviti akan sentiasa dipantau. Demikian, semua indikator yang boleh menunjukkan kegagalan hendaklah dikenal pasti dalam fasa pelaksanaan pelan.

Indikator ini akan berfungsi sebagai panduan terbaik kepada Sekretariat Unit Integriti RISDA, *Integrity Governance Unit* SMR dan juga Jawatankuasa Antirasuah RISDA dan SMR. Bagi memastikan keberkesanannya, kerjasama antara semua bahagian dan syarikat adalah merupakan elemen paling penting dalam mekanisme pemantauan. Unit Integriti RISDA

sebagai penyelaras utama akan bekerjasama erat dengan semua pemegang taruh yang berkaitan untuk memudahkan pelaksanaan dan memberi pandangan apabila diperlukan. RISDA dan SMR akan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) setiap suku tahun sekali yang melibatkan semua pihak bertanggungjawab di kalangan pemegang taruh berkaitan dalam usaha untuk memantau perkembangan RACP. Oleh yang demikian, setiap pemegang taruh dikehendaki mengemukakan laporan dengan menggunakan templat yang disediakan untuk mengemaskini perkembangan pelaksanaan inisiatif pada setiap suku tahun. Secara mudahnya, adalah sangat penting untuk menekankan keutamaan pemantauan dan penilaian bagi memastikan kejayaan RACP. Amalan ini akan melibatkan semua pemegang taruh dalam melaksanakan strategi dan inisiatif yang dirangka agar ianya memenuhi jangkaan dan matlamat RACP. Amalan ini juga perlu untuk tujuan kebertanggungjawaban bersama, memantapkan usaha penyelaras dan menjurus kepada agenda penambahbaikan secara berterusan.



MEKANISME PENILAIAN RACP



BAB 5

KESIMPULAN

Melihat kepada ketegasan Kerajaan Malaysia dalam memerangi rasuah di dalam negara, RISDA sebagai sebuah badan berkanun persekutuan akan sentiasa berusaha menyahut seruan dan mengambil berat komitmen yang telah dinyatakan oleh kerajaan dengan memberi sokongan penuh kepada semua usaha pengukuhan integriti, governans dan antirasuah.

Lantaran itu, *RISDA Anti-Corruption Plan (RACP) 2019-2023* memperlihatkan komitmen RISDA dalam menyokong dasar yang telah dikeluarkan oleh kerajaan melalui Pelan Antirasuah Nasional (NACP) sejajar dengan usaha kerajaan untuk merealisasikan manifesto ke arah negara bebas rasuah dan berintegriti.

RACP telah mengenal pasti sebanyak 28 risiko rasuah dan menggariskan 153 jenis inisiatif yang perlu dilaksanakan bagi menangani isu tadbir urus, integriti dan antirasuah secara menyeluruh dengan tempoh lima tahun untuk dilaksanakan. Melalui tiga strategi, RACP akan bertindak sebagai instrumen serta panduan strategik dalam memastikan segala langkah dan usaha pembasmian jenayah rasuah berjaya direalisasikan.

Semua pihak antaranya Pihak Berkuasa RISDA, Lembaga Pengarah SMR, Pengurusan Tertinggi RISDA dan SMR memainkan peranan penting untuk memastikan sumber daya seperti sumber manusia dan kewangan serta capaian kepada sumber daya ini tersedia kepada semua pemegang taruh yang berkenaan bagi tujuan melaksanakan inisiatif masing-masing. RACP merupakan pelan pertama seumpamanya yang merangkumkan isu tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam satu kerangka bersepadu.

Pelaksanaan semua inisiatif yang telah digariskan di dalam pelan ini akan dipantau dan dinilai dalam memastikan setiap inisiatif tersebut berjaya dan mencapai matlamat iaitu mengekang, membendung dan menutup ruang dan peluang gejala rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. RISDA bersedia untuk menerima sebarang maklum balas, pandangan dan nasihat bagi sebarang penambahbaikan agar matlamat penggubalan pelan ini dapat dicapai. Kejayaan pelaksanaan semua inisiatif RACP dalam tempoh lima tahun akan datang diyakini akan memberi impak positif yang sangat besar dalam aspek pengukuhan integriti, governans dan tadbir urus di RISDA dan SMR. Sesungguhnya ini pastinya akan menyumbang kepada peningkatan imej RISDA dan SMR dengan lonjakan prestasi yang terbaik dan mengagumkan.



PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada semua pihak seperti di bawah yang telah membantu memberikan input, analisis, kerjasama dan sokongan yang padu:

- 1 **Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali**
Menteri Hal Ehwal Ekonomi
- 2 **Yang Berbahagia Tuan Haji Rosely bin Kusip**
Pengerusi RISDA
- 3 **Yang Berbahagia Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien**
Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
- 4 **Yang Berbahagia Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin bin Wan Mohamad**
Ketua Pengarah RISDA
- 5 **Yang Berusaha Encik Abdullah bin Zainal**
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat) RISDA
- 6 **Yang Berusaha Tuan Haji Sopian bin Abu Bakar**
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RISDA Holdings Sdn. Bhd.
- 7 **Yang Berbahagia Datuk Dr. Anis Yusal bin Yusoff**
Timbalan Ketua Pengarah, Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC)
- 8 **Yang Berusaha Puan Nor'afiza binti Saim**
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI)
- 9 **Yang Berbahagia Dato' Nor Azmi bin Karim**
Ketua Unit Integriti Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
- 10 **Yang Berusaha KPKj Mohamad Zakkuan bin Talib**
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
- 11 **Penerbit Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023**



Para Peserta Bengkel Pembangunan dan Penggubalan *RISDA Anti-Corruption Plan (RACP) 2019-2023* yang komited dalam meluangkan masa dan memberikan input:

a) Pengarah Bahagian

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	Encik Zulkefli Bin Zaini	Pengarah Bahagian Dasar & Perancangan Strategik
2.	Encik Wan Mohd Hafiz Bin Wan Ibrahim	Pengarah Pejabat Ketua Pengarah
3.	Tuan Haji Alias Bin Japri	Pengarah Bahagian Inspektorat & Audit Dalam
4.	Encik Mohammad Zakaria Bin Alang Zahari	Pengarah Bahagian Tanam Semula & Perladangan
5.	Tuan Haji Amran Bin Jaafar	Pengarah Bahagian Pengembangan & Pemindahan Teknologi
6.	Encik Hazaruddin Bin Hamzah	Pengarah Bahagian Pentadbiran
7.	Puan Haniza Binti Ab Shukur	Pengarah Bahagian Kewangan & Belanjawan
8.	Encik Daman Huri Bin Toha	Pengarah Bahagian Pembangunan Usahawan
9.	Tuan Haji Mad Jais Bin Che Yem	Pengarah Bahagian Bekalan & Input Pertanian
10.	Encik Ahmad Zainal Bin Abdullah	Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
11.	Puan Rahimah Binti Ibrahim	Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat
12.	Encik Amran Bin Mohamad	Pengarah Bahagian Latihan
13.	Encik Mohd Rosli Bin Hassan	Pengarah Bahagian Produktiviti & Pemasaran
14.	Encik Abu Hassan Bin Mohd Ali	Pengarah Bahagian Program Khas
15.	Tuan Haji Mohamad Asmizi Bin Alias	Pengarah Bahagian Pelaburan & Pembangunan Syarikat
16.	Encik Mohamad Fareek Bin Saidin	Pengarah Bahagian Khidmat Kejuruteraan
17.	Encik Muhammad Adnin Bakir bin Abu Bakar	Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat



b) Pengarah RISDA Negeri

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	Encik Mohd Zulkifli Bin Hassan	Pengarah RISDA Negeri Kelantan
2.	Encik Ramlie Bin Tumin	Pengarah RISDA Negeri Kedah
3.	Encik Md Najip bin Ishak	Pengarah RISDA Negeri Johor
4.	Encik Noor Azan Bin Mohd Noor	Pengarah RISDA Negeri Sarawak
5.	Encik Shazwan Mazly bin Mazlan	Pengarah RISDA Negeri Melaka
6.	Encik Abd Rahim bin Hashim	Pengarah RISDA Negeri Pahang
7.	Puan Siti Rosnani binti Mohd Jalil	Pengarah RISDA Negeri Pulau Pinang
8.	Encik Mohammad Rahimi bin Nordin	Pengarah RISDA Negeri Perlis
9.	Puan Nurhaida Binti Samsudin	Pengarah RISDA Negeri Selangor
10.	Encik Mohd Jazlanuddin Bin Azmi	Pengarah RISDA Negeri Sembilan
11.	Encik Esa bin Rahimin	Pengarah RISDA Negeri Terengganu
12.	Encik Maizal Hakiman Bin Nawawi	Pengarah RISDA Negeri Sabah
13.	Encik Nor Afzami Bin Isa	Timbalan Pengarah RISDA Negeri Perak

c) Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	Tuan Haji Sopian Bin Abu Bakar	Ketua Pegawai Eksekutif RISDA Holdings Sdn. Bhd.
2.	Encik Ali Sabuddin Bin Abd Samad	Ketua Pegawai Eksekutif RISDA Estates Sdn. Bhd.
3.	Encik Zainal Azni Bin Zulkifli	Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan RISDA Bhd.
4.	Encik Alzafry Bin Abu Bakar	Ketua Pegawai Eksekutif PROTAC Insurance Brokers Sdn. Bhd.
5.	Tuan Haji Abdul Rahman Bin Yunus	Ketua Pegawai Eksekutif RISDA Ventures Sdn. Bhd.
6.	Tuan Haji Ibrahim Bin Uzair	Ketua Pegawai Eksekutif RISDA Bina Sdn. Bhd.
7.	Tuan Haji Rusly Bin Yaacob	Ketua Pegawai Eksekutif RISDA Plantation Sdn. Bhd.
8.	Tuan Haji Mr. Azmi bin Mat Zin	Ketua Pegawai Eksekutif RISDA Semaian dan Landskap Sdn. Bhd.
9.	Encik Daud Bin Kasa	Ketua Pegawai Eksekutif RISDA Agro Sdn. Bhd.
10.	Encik Marhalim Bin Hashim	Ketua Pegawai Eksekutif RISDA Livestock Sdn. Bhd.
11.	Tuan Haji Nor Aziz bin Karim	Ketua Pegawai Eksekutif RISDA Fleet Sdn. Bhd.
12.	Puan Hajah Faizatul Akmar binti Dato Hisan	Ketua Eksekutif Kolej RISDA Sdn. Bhd.
13.	Encik Mohd Kamal Rudzaman bin Abd Manap	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif RISDA Security and Services Sdn. Bhd.
14.	Encik Wan Mohd Hafiz Bin Wan Ibrahim	Caretaker Yayasan RISDA

d) Timbalan Pengarah Bahagian

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	Encik Putera Bin Sidek	Timbalan Pengarah Bahagian Inspektorat & Audit Dalam
2.	Encik M. Azmi Bin Mohd (Mohid)	Timbalan Pengarah Bahagian Tanam Semula & Perladangan
3.	Tuan Haji Nasrul Fahmi bin Yahya	Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
4.	Puan Ismahani Salwa Binti Mohd Ishak	Timbalan Pengarah Bahagian Pengembangan & Pemindahan Teknologi
5.	Encik Kamarudin Bin Ani	Timbalan Pengarah Bahagian Dasar & Perancangan Strategik
6.	Encik Saidi Bin Atan	Timbalan Pengarah Bahagian Kewangan & Belanjawan
7.	Encik Mohamad Rozahiri Bin Mohamad Zakaria	Timbalan Pengarah Bahagian Pentadbiran
8.	Puan Nor Azwa Binti Salim	Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Usahawan
9.	Encik Muhamad Rizal Bin Ahmad	Timbalan Pengarah Bahagian Bekalan & Input Pertanian
10.	Encik Wan Ahmad Muzzammil Arief Bin Wan Mohd Mahidin	Timbalan Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat
11.	Puan Nor Erlina Binti Kamaruzaman	Timbalan Pengarah Bahagian Latihan
12.	Puan Rosmarini Binti Abdul Aziz	Timbalan Pengarah Bahagian Produktiviti & Pemasaran
13.	Encik Khairol Nazree bin Abu Basir	Timbalan Pengarah Bahagian Pelaburan & Pembangunan Syarikat
14.	Encik Zulkiflee bin Salleh	Timbalan Pengarah Bahagian Program Khas

e) Pegawai Undang-Undang

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	Puan Norhafizah binti Che Pa	Pegawai Undang-Undang
2.	Puan Saidatul Zureena binti Zakaria	Pegawai Undang-Undang

f) Pegawai-Pegawai Bahagian

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	Encik Ronni Pasla bin Mohamed Yusoff	Bahagian Pengembangan & Pemindahan Teknologi
2.	Cik Shahratul Ida binti Mohd Shaidan	Bahagian Pelaburan & Pembangunan Syarikat
3.	Puan Norieza binti Asmadin	Bahagian Kewangan & Belanjawan
4.	Puan Siti Shariza Fairuz binti Baharin	Bahagian Pengembangan & Pemindahan Teknologi
5.	Encik Mohd Sayuthi bin Badrul Munir	Bahagian Bekalan & Input Pertanian
6.	Encik Rossly bin Salleh	Bahagian Latihan
7.	Puan Norshamsida binti Karim	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
8.	Noor Arizell Hisyam bin Mat Tahir	Bahagian Teknologi Maklumat
9.	Encik Amirul Rasyidin bin Hasan Basari	Bahagian Produktiviti & Pemasaran

Tenaga Pakar Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) selaku Konsultan Utama Pembangunan RISDA *Anti-Corruption Plan (RACP) 2019-2023*:

1. Tuan Haji Hamilye Sham bin Harun
2. Encik Harisham bin Ibrahim

Terima kasih kepada semua pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang telah memberikan input sepanjang penyediaan pelan ini. Pengurusan RISDA percaya pelan ini akan memberi manfaat kepada semua terutamanya warga RISDA dan Syarikat Milikan RISDA (SMR).

PASUKAN EDITOR

PENASIHAT

Yang Berbahagia Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin bin Wan Mohamad
Ketua Pengarah RISDA

TIMBALAN PENASIHAT


Yang Berusaha Encik Abdullah bin Zainal
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat) RISDA

KETUA EDITOR

Yang Berusaha Encik Wan Mohd Hafiz bin Wan Ibrahim
Ketua Unit Integriti RISDA

PASUKAN EDITOR (UNIT INTEGRITI RISDA)

Encik Wan Mohamad Zamir bin Wan Mohamad Zuki
Encik Muhamad Azfar Hakim bin Mohd Jafri
Encik Mohd Azman bin Hasan
Puan Rohaini Ayunni binti Rokhairi
Encik Mohd Hanif bin Ismail
Encik Mohd Bukhari bin Mohd. Noor





**PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN
KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)**